

Absolute Kelantan

PMBK MENGUCAPKAN

Tahniah



Daripada

Pengerusi, Jawatankuasa Penasihat,
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan
Kakitangan Perbadanan Menteri Besar Kelantan

PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

Bersama Anak Syarikat:



PMBK SAWIT

SDN BHD



KIAALAH

SDN BHD



DARUL DIGITAL

SDN BHD



KELANTAN

BIOTECH

CORPORATION

SDN BHD



TUNJONG

DEVELOPMENT

CORPORATION

SDN BHD



KELANTAN

GOLDEN

TRADE

SDN BHD



KELANTAN

UTILITIES

MUBAARAKAN

HOLDINGS

SDN BHD



AIR KELANTAN

SDN BHD



MAJARI

SERVICES

SDN BHD



INTAAJ PIPE

INDUSTRIES

SDN BHD



SIHHAT-AFIAT

SDN BHD

MUHARRAM 1431 HIJRAH

QIADAH

KELANTAN CHIEF MINISTER INCORPORATED | OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

MUHARRAM 1431 HIJRAH

5TH EDITION

OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

QIADAH

KELANTAN CHIEF MINISTER INCORPORATED

قیاده نگران مینتری سر بر لئن

Focus Theme

KELANTAN - SOUL CAMPUS
Forever as Educational Campus

Kelantan Brand

THE SHINING METAL
Permai Krafperak

Destination

THE GREAT MOSQUE
Masjid Muhammadi



<http://www.pmbk.gov.my>

FREE ISSUES / PERCUMA



ڤرمبک ساویت سندیپیان برد PMBK SAWIT SDN. BHD.



Firman Allah S.W.T:

...Tidakkah engkau memerhatikan, bahawa Allah menurunkan hujan dari langit, lalu dialirkannya menjadi mataair-mataair di bumi; kemudian ia menumbuhkan dengan air itu tanam-tanaman yang berbagai jenis dan warnanya; kemudian tanam-tanaman itu bergerak segar (hingga ke suatu masa yang tertentu), selepas itu engkau melihatnya berupa kuning; kemudian ia menjadikannya hancur bersepiai? Sesungguhnya segala yang tersebut itu mengandungi peringatan yang menyedarkan orang-orang yang berakal sempurna...

(Az-Zumar : ayat 21)

..sektor perladangan sememangnya merupakan penjana ekonomi negara dewasaini. Kita lihat syarikat korporat seperti Sime Darby mengukuhkan kedudukannya melalui sektor perladangan. Tidak rugi Kerajaan Negeri melalui PMBK SAWIT mencebur sektor perladangan sebagai penjana ekonomi negeri, kedua terbesar selepas sektor carigali minyak. Kami di PMBK SAWIT berharap dapat bersaing sama dengan lain-lain anak syarikat Kerajaan Negeri bagi menyumbang ke arah merealisasikan amanah Kerajaan Negeri bagi memajukan sektor perladangan dan seterusnya menjana ekonomi negeri dengan maksima.."

AHLI LEMBAGA PENGARAH

YB Dato' Haji Husam bin Musa
YB Haji Mohd Faudzi bin Che Mat
YB Haji Zulkifli bin Mamat
YBrs. Ir Abdul Ariffahmi bin Ab Rahman
Tuan Haji Ramli bin Abu Bakar
Tuan Wan Yaheya @ Wan Yahya bin Wan Salleh
Tuan Buni Amin bin Hamzah
Tuan Haji Nik Din bin Nik Sulaiman
Tuan Haji Mohd Sabri bin Abdullah
Ustaz Haji Hussin bin Ibrahim

PENGURUSAN KANAN

YBrs Fauzi Mohamad
Pengurus Besar
Abd Razak Abd Ghani
Timb Pengurus Besar
Che Soh Harun
Pengurus Perolehan & Pemasaran
Kamarulzaman Abdullah
Pengurus Komunikasi Korporat
Abd Hamid Abd Aziz
Pengurus Pembangunan & Teknikal
Mohd Nuri Mat Yaacob
Pengurus Modal Insan
Alias Sulaiman
Pengurus Ladang Pasir Mas
Hj Ramli Jidin
Pengurus Ladang Tanah Merah/Jeli
Anuar Ismail
Pengurus Ladang Gua Musang

PEJABAT KORPORAT

Tingkat 1, Lot 296, Jalan Kota Darulnaim, 15100, Kota Bharu, Kelantan
Tel: 09 - 747 1908 Faks: 09 - 746 1908

IBUPEJABAT

Tingkat 1, PT 7813, Taman Mesra, Jalan Persiaran Jaya, 18300 Gua Musang, Kelantan
Tel: 09 - 912 0710 Faks: 09 - 912 0711



The image of this Pintu Luar Istana Balai Besar, also known as Kota Sultan Ismail Petra was taken by our **Qiadah** crew. These simple architecture but yet brilliants shown the credibility of Kelantan to carry Al-Quran and Islam as a guidance for prosperity, educational, and others, but most importantly to create a strong spiritual of soul.

CIRCULATION LIST

Tourist Information Centre | Kelantan State Informatin Secretariat | Government Department and Agencies | Government Link Companies | State Museums | Kota Bharu Municipal Council – Islamic City | Selected Privates Companies | Selected Hotels and Travel Agencies | Selected Malaysian Embassies and High Commissions | Selected Foreign Embassies | Selected Higher Learning Institutions and Students Council | Persatuan Anak Kelantan Di Perantauan | Sultan Ismail Petra Airport

No part of this magazine may be reproduced without the written permission of Kelantan Chief Minister Incorporated (PMBK). All rights reserved. Copyright 2009 by PMBK. Opinion Express in Qiadah are writers' and not necessarily endorsed by PMBK. PMBK and the producer are not responsible or liable in any way for the content in any of the advertisement, articles, photographers or illustrations contained in this publication. Editorial inquiries and inquiries concerning advertising and circulation should be addressed to PMBK. PMBK accept no responsibility for unsolicited manuscript, photography, illustration and other editorial material. The editorial team reserves the rights to edit and/or re-write all materials according to the needs of the publication upon usage.

CHIEF EDITOR

Ir Abdul Ariffahmi Ab Rahman
Group Chief Executive Officer
Kelantan Chief Minister Incorporated

EDITORIAL COMMITTEE SECRETARY

Nik Aida Nik Mohamed @ Nik Ahmad
Corporate Communication Manager
Kelantan Chief Minister Incorporated

EDITORIAL COORDINATOR

Shariah Derahan
Corporate Communication Asst. Officer
Kelantan Chief Minister Incorporated

ASST. EDITORIAL COORDINATOR

Siti Norazami Mohamed Anuar
Corporate Communication Asst. Officer
Kelantan Chief Minister Incorporated

WRITERS & EDITORS

Che Shamsudin Othman (Dinsman)
Kassim Muhamad (Barajawa)

ASSOCIATE WRITERS

Shariah Derahan
Nurul Dayanna Norji
Nor Adani Syamimi Ahmad Kamil
Salma Husin
Rossem
Mazura Ismail

EDITORIAL COMMITTEE

Nik Mohd Alimin Nik Mohd Alwi
Business Development Manager
Kelantan Chief Minister Incorporated

Nazri Deraman

Project Manager
Tunjong Development Corporation Sdn Bhd

Mohd Zairuh Paridin

Financial Executive
Kelantan Chief Minister Incorporated

LAYOUT & GRAPHIC DESIGNERS

Mohd Haikal Rozaini
Corporate Communication Executive
Kelantan Chief Minister Incorporated

Mohd Muhammin Mohd Aripin

Corporate Communication Asst. Officer
Kelantan Chief Minister Incorporated

ASSOCIATE DESIGNER

Mohd Aswadi Abdullah
Nor Adani Syamimi Ahmad Kamil

PHOTOGRAPHER

Ahmad Na'ime Mohamed
Corporate Communication Asst. Officer
Kelantan Chief Minister Incorporated

PUBLISHED & PRODUCED BY

Kelantan Chief Minister Incorporated
6th Floor, PMBK Building, Jalan Kuala Krai,
15150 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.
Tel: +609-7474082 | Fax: +609-7477815
Website: www.pmbk.gov.my
Email: info@pmbk.gov.my

PRINTED & COLOUR SEPARATION BY

Percetakan Zulrahim Sdn Bhd
Lot 1811, Bangunan KPKB, Kampung Paya Rambai,
15200 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.
Tel: +6013-943 8881 / +6019-997 6513

ADVERTISING, MARKETING & PROMOTIONS

Siti Norazami Mohamed Anuar
Ahmad Na'ime Mohamed
Nor Adani Syamimi Ahmad Kamil
Tel: +609-7474082

Mengembalikan
Kegemilangan Islam...



...dengan menggunakan **Bioteknologi**



Kesihatan&PenjagaanDiri

Produk berasaskan minyak kelapa dara (VCO) tulen. Amalan berkesan turun-temurun untuk kesihatan dan penjagaan diri.

Nutrifera™



Kulturtisu

Hasil usahasama dengan institusi penyelidikan tempatan. Benih berkualiti daripada makmal berteknologi tinggi, pembesaran pokok lebih cepat dan buah yang lebih lebat dan bermutu.



IndustriEnzim



BajaBioOrganik

Baja bio-organik yang dikompos menggunakan teknologi terkini serta mengandungi mikro-organisma berfaedah yang dibuat melalui kaedah bioteknologi.

Alam HIJAU™



Kelantan Biotech Corporations Sdn. Bhd.





Lot 3174, Batu 23, Jalan Kota Bharu - Machang, 18500 Machang, Kelantan
Tel : 09-976 5286 Faks : 09-976 5282

COVER PAGE:
AL-QURAN
SPIRITUAL AXIS


QIADAH

OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE
KELANTAN CHIEF MINISTER INCORPORATED

Al-Quran is the central religious text of Islam and we (muslims) believe the Al-Quran is the book of divine guidance and direction for all mankind. The Al-Quran often emphasizing the moral significance of an event over its narrative sequence. In line with motto 'Membangun Bersama Islam', Kelantan is creating a place for spiritual educational, in other word is a soul campus.

FOKUS TEMA
10
KELANTAN - KAMPUS ROHANIPEMIMPIN
22
DATO' S.U.K.TOKOH
26
TOK PETI HJ NORWARISAN
30
SILATVARIASI
36
DAWKAH
HALAQATVARIASI
39
SISTEM
PERSEKOLAHAN YIKDESTINATION
42
MASJID MUHAMMADIMAKANAN
48
SAMBAL DAGINGKELANTAN BRAND
54
PERMAI KRAFTERAKKELANTAN
SANA-SINI
59
AIDILADHAFOKUS PMBK
62MASJID
AL HUSSAINAKTIVITI
PMBK
66
AIDILFITRI PMBK 2009AKTIVITI
PMBK
76
QIADAH
& AIR ASIAAKTIVITI
PMBK
78PENYERAHAN
CEK DI D.D.AKTIVITI
PMBK
80MAJLIS
PESONA GALAAKTIVITI
PMBK
83PMBK &
CEMPAKATEROWONG
MASA
86

TEROWONG MASA

INSPIRASI
KELANTAN
88
KARTIKA & COKELANTAN A TO Z
91
AR - RAHN
Gadgets Islam

MutiaraKata

EditorialNote



"Demi jiwa serta penyempurnaan kejadiannya (ciptaanNya), maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu (jalan) kefasikan dan ketaqwaan. Sungguh beruntunglah orang yang menyucikan jiwa itu (yang asalnya sudah bersih) bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal), rugilah pula orang yang mengotor jiwanya (dengan sebab kekotoran maksiat yang dilakukannya)"

(Surah Asy-Syams : Ayat 7-10)

"Seluruh Negeri Kelantan mesti menjadi sebuah sekolah besar. Itulah harapan saya, walau di mana pun kita berada di bumi Kelantan ini, pendidikan mesti diutamakan. Apabila menyebut tentang pendidikan pula, sudah pasti pendidikan qalbu/jiwa yang mesti diutamakan demi untuk mengubah manusia menjadi khalifah Allah yang sebenar".

Sebenarnya kampus rohani di Serambi Mekah ini telah lama wujud dengan tertubuhnya sekolah-sekolah agama yang menggabungkan ilmu dunia dan ilmu akhirat, sebagai contoh Sekolah Menengah Tahfiz Sains. Disamping mengejar keperluan duniawi, ilmu akhirat tidak dilupakan kerana ia adalah bekalan yang penting menuju akhirat.

"Selama 20 tahun mentadbir Negeri Kelantan, matlamat kami bukan untuk keuntungan semata-mata atau memajukan negeri dari segi material tetapi pembangunan insan itu sendiri merupakan tunjang utama. Maka, saya yakin Negeri Kelantan mampu menjadi pusat pencetus perubahan pemikiran insan. InsyaAllah..."

MUTIARA KATA

YAB Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat

SOUL CAMPUS: ENRICHING HUMAN SOULS

Remember those childhood days when we never failed to look up to our parents for our almost-anything-everything needs; be it our daily pocket money, replacement of worn out shoes, acquiring new exercise books, or fulfilling the burning desire for our first pair of leather shoes for the coming Hari Raya?

Yes, at least we have that luxury of cherishing such memories.

Not all children are that lucky, though. The under-privileged, the haves-not and orphans alike could at best, just dream – of such luxuries. However one thing is certain. Normal responsible parents, no matter how strained they are financially, are never short of love, kindness and hope for their dependents. And parents – as miniature leaders in their own homes always aspire the best for their siblings.

On a macro level by virtue of their positions, our leaders are metaphorically speaking the parents of all its citizens; irrespective of creed, colour and religion. However since October 1990, Kelantan under Tuan Guru Nik Abdul Aziz as Menteri Besar has ventured beyond the norms of our usual present-day modern leadership practices. It embraces Islam as the crux of its administrative and leadership philosophy, the so-called 'Kepimpinan Ulama'. By so doing, the various levels of its state machinery are constantly trained, coached and coaxed to observe and respect the concept that the well-being of the citizenry goes into zone of unseen, the Hereafter. Hence slowly, yet gradually the state of Kelantan has transformed itself into what is now seen as an open campus which sees and respects the importance of the human souls.

On the eve of its twentieth year as the state government of Kelantan, Qiadah wishes its readers to share, appreciate and definitely explore the strength and beauty of such a leadership philosophy. We realise, indeed this is definitely a heavy subject matter for a magazine such as Qiadah to chew. However, we believe in sharing – glimpses of the virtues of a "Soul Campus" in the making.

Salaam and regards,

Ir. Abdul Affahmi Ab Rahman





Penyerahan Skim Bantuan Kewangan Imam Al-Ghazali
oleh Dato' Amar kepada pelajar-pelajar yang mempunyai
potensi cemerlang pada 27 April 2009 yang lalu.

oleh Dinsman

foto Ahmad Na'im & Lensasinggora Studio

KELANTAN – KAMPUS ROHANI

seluruh negeri adalah sebuah kampus pendidikan

Sesi khas Qiadah bersama YB Dato' Hj Mohd Amar Nik Abdullah

Kelantan keseluruhan negerinya boleh dilihat sebagai 'sebuah kampus', atau lebih tepat lagi sebuah 'kampus pendidikan sepanjang hayat'. Tak tahulah betul atau tidak istilahnya, tetapi maksud saya ialah – dibandingkan dengan universiti-universiti di mana pun di dunia ini semuanya ada kampus atau kawasan tertentu yang menjadi kawasan tempat pengajiannya. Di bawah pimpinan Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai Menteri Besar – itulah Kelantan, seluruh negerinya adalah sebuah 'kampus pendidikan'.



Dato' Amar yang begitu santai dan bersahaja tanpa kopiahnya tatkala ditemubual di pejabatnya

Kenapa saya berkata begitu? Pertamanya, Menteri Besar Tuan Guru Nik Abdul Aziz sendiri – dia berbeza dengan Menteri Besar yang lain. Sangat berbeza. Barangkali kerana dia sendiri seorang Tok Guru, seorang ustaz, seorang pendakwah, yang sebelum menjadi Menteri Besar pun dia memang selalu menyampaikan kuliah dan ceramah. Setiap pagi misalnya, dia memulakan aktiviti hariannya dengan menyampaikan kuliah subuh di masjidnya, yang berkembar dengan rumahnya, (kecuali dia uzur atau berada di luar kawasan). Dan apabila menjadi Menteri Besar pun Nik Aziz tetap dengan cara dan gaya hidupnya itu – masih seorang Tok Guru yang suka dengan kerja mengajar, memberi tazkirah di masjid-masjid dan surau-surau, dan di waktu malam menyampaikan kuliah dan ceramah yang walaupun ceramah politik dia tetap memilih gaya dan pendekatan mendidik, dengan menyampaikan ilmu-ilmu agama yang berteraskan keimanan kepada Allah dan balasan di hari Akhirat.

Konsep kepimpinan yang dibawa oleh Tuan Guru Nik Abdul Aziz juga berbeza dengan konsep kepimpinan oleh pemimpin-pemimpin lain, iaitu ‘kepimpinan ulama’; yakni kepimpinan yang mengutamakan keimanan kepada Allah dan balasan di hari Akhirat, berpandukan kepada Quran dan Sunnah Rasulullah S.A.W. Ini suatu konsep baru dalam kepimpinan yang juga turut melibatkan pembaharuan dalam pentadbiran dan juga pembangunan negeri.

Bagi menerapkan konsep kepimpinan, pentadbiran dan pembangunan yang baru ini, dan supaya rakyat ramai memahaminya, maka satu program penerangan dan pendidikan (tarbiyah) yang menyeluruh dan bersepadu secara beransur-ansur adalah diperlukan. Dan memang itulah yang dilakukan oleh Tok Guru Nik Abdul Aziz bersama saf kepimpinannya sejak mengambil alih pentadbiran kerajaan negeri Kelantan pada 22 Oktober 1990.



Memberi keterangan, Dato' Amar sedang bercerita kepada krew *Qiadah*



Siti Fatimah
Hj Mukhtar

- ◆ Pelajar Terbaik SPM 2006 Malaysia
- ◆ Ma'ahad Muhammadi Perempuan Kelantan
- ◆ 18A (17 A1 dan 1 A2)



Nik Nur Madihah
Nik Mohd Kamal

- ◆ Pelajar Terbaik SPM 2008 Malaysia
- ◆ Ma'ahad Muhammadi Perempuan Kelantan
- ◆ 20A (19 A1 dan 1 A2)

Dengan ‘pendidikan’ di sini saya tidak sahaja bermaksud pendidikan formal di sekolah-sekolah, tetapi juga merangkumi pelbagai aktiviti di luar sekolah yang bertujuan untuk mengajar, mendidik, melatih dan memberi kefahaman serta maklumat tertentu kepada masyarakat. Antara aktiviti tersebut ialah mengajar kanak-kanak membaca Al-Quran dan asas Fardhu Ain, memberi kuliah dan ceramah agama di masjid-masjid dan surau-surau kepada orang dewasa dan remaja, menjalankan kempen sembahyang melalui kursus, seminar, forum dan sebagainya, yang semuanya ini diinstitusikan di bawah satu jabatan yang dinamakan Dakwah Halaqat. (Sila lihat artikel khas mengenai Dakwah Halaqat, halaman 36).

Pendidikan secara formal pula dijalankan melalui sekolah-sekolah agama dan Maktab Tahfiz yang ditadbir oleh Yayasan Islam Kelantan (YIK), berjumlah 96 buah. Sekolah-sekolah ini menggunakan kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia dan kurikulum Universiti Al-Azhar, Mesir secara serentak dan ditambah dengan beberapa amalan khas ciptaan YIK. Kehadiran sekolah-sekolah YIK ini memberi saingan yang sihat kepada sekolah-sekolah menengah di bawah pentadbiran Kementerian Pendidikan (kerajaan Persekutuan). Namun keunggulan sistem YIK telah terbukti apabila pelajar dari Maahad Muhammadi (P) Kota Bharu muncul sebagai Pelajar Terbaik seluruh Malaysia dalam peperiksaan SPM bagi tahun 2006 dan 2008.



SMU (A) Syamsul Maarif (L)
di Labok, Machang
adalah diantara sekolah kelolaan
Yayasan Islam Kelantan (YIK)




...memberi perhatian kepada
**usaha membangunkan
persekitaran** yang kondusif
kepada pendidikan dan
penghayatan Islam.

Jadi, mengapa pula kita katakan Kelantan sebagai sebuah 'kampus pendidikan'? Kita katakan demikian kerana bagi mencapai matlamat pentadbiran 'Membangun Bersama Islam', pimpinan Tuan Guru Nik Abdul Aziz bukan sahaja memberi perhatian kepada institusi pendidikan formal (sekolah-sekolah di bawah Yayasan Islam Kelantan dan pengajian pondok di bawah Perbadanan Pondok Berhad) dan institusi pendidikan tidak formal (Dakwah Halaqat), tetapi beliau juga memberi perhatian kepada usaha membangunkan persekitaran yang kondusif kepada pendidikan dan penghayatan

Persekutuan yang kondusif ini dibangunkan di seluruh Negeri Kelantan dalam pelbagai bentuk dan dengan pelbagai cara. Inilah yang membezakan apabila seseorang itu belajar agama di sekolah di Negeri Kelantan dengan di sekolah di luar Negeri Kelantan.

Berbeza sekiranya dia belajar di Negeri Kelantan kerana persekitaran di Negeri Kelantan itu seluruhnya telah dikawal dan dibangunkan (secara beransur-ansur) sesuai dengan tuntutan Islam. Misalnya dari segi berpakaian, hampir tidak ada wanita yang berpakaian menjolok mata kerana mereka (yang beragama Islam) digalakkan supaya menutup aurat. Ada kempen menutup aurat, sebagai satu program kerajaan. Manakala wanita Islam yang menjadi jurujual dalam kawasan Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI) pula disyaratkan supaya memakai tudung.

Hari ini papan iklan atau *billboard* menjadi sebahagian penting daripada persekitaran hidup manusia moden, terutamanya di bandar-bandar. Gambar-gambar wanita cantik berpakaian mendedahkan aurat dan imej muda-mudi bergaul bebas boleh ditemui di mana-mana pada *billboard* di luar Kelantan, tetapi di Kelantan imej-imej yang sedemikian tidak dibenarkan. Pengiklan terpaksa merekacipta imej-imej wanita yang berpakaian menutup aurat untuk



Di antara contoh papan iklan yang disiarkan di Kelantan. Penuh dengan penghayatan Islam dan keharmonian.

mempamerkan iklan mereka di Kelantan. Selain itu, mesej-mesej penting dalam ajaran Islam terutamanya ayat-ayat Quran turut dipamerkan pada *billboard* besar dan kecil.

Demikian juga pergaulan muda-mudinya, pada waktu-waktu tertentu dipantau agar tidak ada yang berpegangan tangan atau dalam keadaan seperti 'pergaulan bebas'. Sekiranya ada yang berkelakuan demikian mereka akan diberi nasihat supaya berakhlik sesuai dengan nilai dan hukum Islam.

'Pusat-pusat hiburan' yang melampaui batas hukum Islam juga dikawal. Misalnya kelab malam telah dihapuskan pada tahun-tahun awal pentadbiran Tuan Guru Nik Abdul Aziz. Demikian juga *karaoke* (kecuali di tempat terbuka) dan salun unisex, manakala minuman keras hanya dibenarkan di beberapa tempat tertentu sahaja untuk orang bukan Islam. Persembahan nyanyian oleh penyanyi wanita juga tidak dibenarkan serta aktiviti judi langsung diharamkan, termasuk judi nombor ekor dan *Toto*.

Demikianlah seluruh negeri Kelantan itu 'dibersihkan' daripada unsur-unsur maksiat dan mungkar agar ia menjadi persekitaran yang kondusif untuk pendidikan dan penghayatan Islam. Para pelajar di negeri ini tidak menghadapi dilema dan konflik antara tuntutan yang diajar di sekolah dengan tarikan dan godaan yang terdapat di luar sekolah. Wujudnya persekitaran yang mesra Islam (Islam-friendly) ini menyebabkan ibubapa Islam di luar Kelantan tertarik untuk menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah-sekolah di Kelantan.

Namun apabila dikatakan Kelantan 'dibersihkan' daripada unsur-unsur maksiat dan mungkar itu tidaklah bermakna unsur-unsur negatif tersebut langsung tidak ada lagi di Kelantan. Masih juga ada kerana manusia itu selagi bernama manusia akan sentiasa wujud anasir-anasir nakal yang suka kepada yang dilarang itu. Justeru usaha-usaha 'pembersihan' pun terus dilakukan secara berterusan. Kuliah Subuh Tuan Guru Nik Abdul Aziz berterusan setiap subuh di Pulau Melaka, Kuliah Pagi Jumaat di Medan Ilmu di tengah-tengah bandar Kota Bharu pun berterusan setiap Jumaat, dan banyak lagilah aktiviti tarbiyah yang sentiasa berjalan di seluruh pelusuk negeri.

Age doesn't matter,
soul or spiritual education are
given as early as possible



KELANTAN – SOUL CAMPUS

whole state is an educational campus

As a whole, Kelantan could be seen as an open campus or to be more exact, 'a life-long educational campus'. I cannot figure out if this is the right term or an appropriate terminology to be used — but what I mean is; one knows any campus has its spatial demarcation. Under the leadership of Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat as the Chief Minister — that is exactly what the whole Kelantan is, it is an 'educational campus'.

Why do I say that? Firstly, the Chief Minister Tuan Guru Nik Abdul Aziz himself is different from other Chief Ministers — significantly different. Probably due to the fact that he himself has been a Tuan Guru ('Tok Guru' is a highly respected prestigious religious title bestowed by the masses upon someone for his high religious stature), an ustaz (a religious teacher) and a

preacher long before he became a Chief Minister, and as such he has been delivering religious lectures and sermons. Unless he is unavailable due to sickness or has gone out-station, it has since been his daily routine every morning to lead the congregational subuh (early morning) prayers and deliver its post-prayer lectures at 'his' mosque which is attached to his traditional Malay wooden house in Pulau Melaka. After his inauguration as a Chief Minister of Kelantan, his lifestyle and daily routines remain unchanged - he remains a Tuan Guru, teaching Islamic religious knowledge and preaching at various mosques and suraus. His lectures and sermons are not complete without those enriched dosages of pedagogic reminders, the belief in Allah and the duty of Man to heed the well-being and the wellness of his soul in this world and the Hereafter.



Tok Guru Nik Abdul Aziz's concept of administration also differs from those of the other state leaders. His is based on the 'Kepimpinan Ulama' - a leadership which has paramount anchorage on the belief of the Almighty and the returns of the Hereafter, whilst the Quran and the Sunnah (the Ways) of the Prophet act as its fundamental guidance. This is indeed a new philosophy and direction in the state's administration and development.

Since taking over the leadership of Kelantan on 22nd October 1990, Tuan Guru Nik Abdul Aziz and his team spearheaded the above changes using the above-mentioned concepts of leadership. To achieve his mission, he embarked on a comprehensive, integrated yet gradual explanatory-training sessions to all concerned. This is to ensure that the public at large would understand what it means to be governed by 'Kepimpinan Ulama'.

What is our reason for saying that the State of Kelantan is an '**educational campus**'? We say so because in order to achieve the intention of '**Membangun Bersama Islam**' ...

Here when one speaks of education it does not only refer to the form of education which one normally receives in schools. Here education includes the extra curricula activities aimed at teaching, moulding, training and disseminating all relevant information to the society at large. The activities include teaching the children Quranic reading and the basics of 'Fardhu Ain'; giving lectures and sermons in mosques and suraus to adults and youths; implementing 'praying' campaigns through courses, seminars, forums and others. All these are institutionalised under a department known as 'Dakwah Halaqat'.



Formal education is being carried out by religious schools and Maktab Tahfiz (literally means Quranic Memorisation Colleges) which are being managed by YIK, Yayasan Islam Kelantan (Kelantan Islamic Foundation). In total there are 96 of such institutions in the State. These schools adopt both curriculum of the Ministry of Education, Malaysia (MOE) and that of the Al-Azhar University, Cairo, Egypt simultaneously. Apart from the above, these schools adopt and implement other innovative learning packages which have been designed by YIK itself. The presence of YIK-managed schools helps to encourage positive competition among schools including those under the Federal Government/the Ministry of Education, Malaysia (MOE). However YIK system has beyond doubt proven its excellence; two of its students i.e. from Maahad Muhammadi (P) Kota Bharu have produced the best SPM results for the whole country for 2006 and 2008.

What is our reason for saying that the State of Kelantan is an 'educational campus'? We say so because in order to achieve the intention of 'Membangun Bersama Islam', which literally

...the **overall atmosphere is being controlled**; and the state of Kelantan has since been slowly developed **to be in tandem with the Islamic values**

means 'Development in Tandem with Islam' TGNA's (Tuan Guru Nik Abdul Aziz) leadership emphasizes not only formal education via schools under the state's responsibility such as YIK's, the traditional religious, pondok system under Perbadanan Pondok Berhad, the informal educational institutions under Dakwah Halaqat but also the effort in the state to cultivate a conducive environment for the teaching and appreciation of Islam.

This conducive environment which has been developed for the whole of Kelantan appears in various forms and means. A student could see and appreciate the difference if he studies in Kelantan.



A view of Tazkirah Maghrib at Masjid Muhammadi, this lecture was conducted by Ustaz Hj Saibon Ismail



It is hard to find Muslim women to be overly exposed; they have to **cover their aurah**. The state government has its campaign on the **proper Islamic dresscode**.



The situation is different if he studies in Kelantan. Here, the overall atmosphere is being controlled; and the state of Kelantan has since been slowly developed to be in tandem with the Islamic values. Take clothing for instance; it is hard to find Muslim women to be overly exposed; they have to cover their aurah. The state government has its campaign on the proper Islamic dresscode. Muslim women working as salespersons within Kota Bharu Islamic Municipality for example are required to wear scarfs.

In our world today, billboards as an advertising medium are one of the important features of our modern life, especially in our towns. Outside Kelantan one could see billboards featuring beautiful women exposing themselves and images of the free-and-fun loving life-styles of youths as a normal sight. Such exposures are however not permitted in Kelantan. Advertisers wishing to display billboards featuring women must ensure that their women models are syari'ah-compliant in their dresscode. Apart from that, it could be seen how important messages depicting the teaching of Islam, especially verses from the Quran which appears on billboards in various sizes.

Regarding the social behaviour of youths, they are not allowed to mix freely. If there is such misbehaviour, they are advised to behave decently according to the teaching and values of Islam.

Entertainment centres which are contrary to Islamic teachings are also prohibited. For instance, night clubs were abolished during the earlier years of Tuan Guru Nik Abdul Aziz's tenure. So were public karaoke centres (except those operating in open premises) and unisex saloons. On the other hand, drinking of liquor for non-Muslims is allowed at certain specified locations only. Apart from the above, performances by female artists are not allowed. Of course all forms of gambling such as the four digit numbers and Sports Toto are also inadmissible.

Hence the whole of Kelantan has been cleansed from all forms of vices and immoral activities, making it conducive for the learning and appreciation of Islam. Students in the state would not find themselves trapped in a dilemma and the conflicting realities of the actual lives inside and outside the classroom. Such an Islamic-friendly atmosphere has encouraged parents outside Kelantan to send their children to study in Kelantan.

When we say that Kelantan has been cleansed of such forms of vices and immoral deeds, this does not mean that there are no negative influences at all in Kelantan. As mortals, human beings are never perfectly free from such misdeeds. To continuously improve the situation, efforts are being carried out by the Kelantan government including the post-morning-prayer sermons by Tuan Guru Nik Abdul Aziz at Pulau Melaka; the Friday morning sermons at Medan Ilmu in the middle of Kota Bharu and other related religious propagation activities.



**PENTADBIRAN BERTERASKAN
bersama Ketua Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan**

foto Ahmad Naime

UMI

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan merupakan Sekretariat Kerajaan Negeri yang mengendalikan hal ehwal yang berkaitan dengan urusan pentadbiran negeri. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri mempunyai dua belas (12) bahagian dan unit sokongan, bertindak sebagai pemimpin dan pelaksana pelbagai dasar Kerajaan bagi menjamin pembangunan yang selaras antara negeri dan Persekutuan yang berterusan dalam mencapai objektif negara, terutamanya merealisasikan agenda pembangunan sumber manusia serta menetap dan melaksanakan hala tuju yang strategik bagi melahirkan keperluan modal insan yang diperlukan oleh negara bagi menghadapi daya saing dan cabaran global.

Dato' Haji Mohd Aiseri Alias (Dato' SUK) sempat meluangkan masa bersama krew Qiadah di pejabatnya

Dato' Haji Mohd Aiseri Alias popular dengan gelaran Dato' SUK, di mana beliau telah memegang jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan selama hampir 6 tahun. Dalam tempoh tersebut, beliau telah dikurniakan anugerah Ahli Yang Pertama (Seri Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (SPSK) pada tahun 2006, manakala pada tahun 2004 pula beliau telah dikurniakan Ahli Yang Kedua (Dato' Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat terbilang (DPSK). Tiga lagi anugerah yang diterima ialah sebelum beliau bergelar Dato' SUK iaitu Paduka Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (PSK) pada tahun 2000, Bentara Setia Mahkota Kelantan (BSK) pada tahun 1995 dan Ahli Setia Mahkota Kelantan (ASK) pada tahun 1988. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah kepada beberapa pertubuhan dan agensi dalam negeri seperti PKINK, PMBK, YAKIN, YIK, KESEDAR, Universiti Malaysia Kelantan, Air Kelantan Sendirian Berhad dan lain-lain.

Sepanjang berkhidmat sebagai Ketua Perkhidmatan dalam Perkhidmatan Awam Negeri, beliau melihat Kelantan dari kaca mata yang begitu unik. Di antara keunikan yang ketara ialah masyarakat yang amat cenderung mendalamai ilmu agama menjadikan Negeri Kelantan dianggap begitu istimewa berbanding negeri-negeri lain di Malaysia, sesuai dengan jolokan 'Negeri Serambi Mekah', malah merupakan Bandaraya Islam pertama di Malaysia berteraskan dasar Membangun Bersama Islam.

Juga kerjasama yang rapat di antara Pegawai Negeri dan Persekutuan samada yang berkhidmat di negeri ini ataupun di peringkat Pusat. Ini penting bagi memastikan agenda yang dirancang dapat berjalan dengan lancar dan sempurna dengan adanya hubungan baik di antara keduanya. Hubungan kerjasama seumpama ini juga dapat menentukan kerajaan negeri mencapai dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan. Walaupun identiti ideologi politik berbeza, namun hubungan baik mesti diteruskan demi pentadbiran yang lancar dan teratur.



Negeri Kelantan juga kaya dengan pelbagai hasil bumi seperti petroleum dan gas, penghasilan emas dan perak, batik dan songket, dan pelbagai lagi. Manakala hasil perikanan juga tinggi kerana terdapat beberapa pantai yang menjadi pusat penangkapan ikan laut dalam. Bagi bidang pertanian pula, depu, kayu balak dan tembakau dapat menjana ekonomi yang tinggi.

Wanita Kelantan juga dilihat sangat unik kerana majoriti peniaga-peniaga di negeri ini terdiri dari golongan hawa. Ini merupakan sesuatu yang sukar didapati di negeri-negeri lain kerana wanita Kelantan dilihat tidak kekok dalam urusan perniagaan, baik perniagaan kecil mahupun besar. "Tangan yang menghayun buaian mampu menggongang dunia." Ia begitu sinonim dengan keupayaan wanita di sini, dimana-mana kita dapatkan wanita Kelantan hebat berniaga yang mana secara tidak langsung mereka menghidupkan Sunnah nabi iaitu berniaga. Mereka bukan sahaja menjadi jaguh berniaga di negeri sendiri, tetapi hingga ke negeri-negeri lain.

Menurut beliau, cabaran utama yang dihadapi sepanjang usia pentadbirannya adalah membentuk dan merealisasikan diri sendiri sebagai Ketua Perkhidmatan Negeri yang boleh melaksanakan tanggungjawab sebaik mungkin. Juga, mengubah budaya kerja dan delivery system dalam perkhidmatan negeri ke arah yang lebih mantap dan berkesan di setiap peringkat. Serta, mengekalkan hubungan rapat khususnya dalam aspek pengurusan pentadbiran antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan.

Pendekatan baru yang telah diambil untuk memperkemaskan KNK ialah dengan melaksanakan perkhidmatan yang melibatkan organisasi dan individu yang mendokong sebuah organisasi negeri. Antaranya adalah penekanan kepada outcome dalam prime hours di



Bersama cenderamata penghargaan yang diterima oleh Dato' SUK sepanjang karier beliau

jabatan bagi setiap Penjawat Awam Negeri, juga memperkenalkan kod etika Perkhidmatan Awam Negeri, serta mewujudkan Program 5S, KPI, Star Rating, SKT- Sasaran Kerja Tahunan yang dipantau secara bulanan.

Star Rating atau Penarafan Bintang pula merupakan salah satu mekanisme pengukuran prestasi budaya kecemerlangan Agensi-agensi Kerajaan dalam Perkhidmatan Awam. Ia dapat menilai dan mengukur prestasi agensi-agensi Kerajaan termasuk di peringkat negeri bagi memastikan penyampaian perkhidmatan Sektor Awam berada pada tahap yang cemerlang dan memberi pengiktirafan secara formal kepada agensi-agensi yang telah menunjukkan tahap tadbir urus yang terbaik serta sentiasa meningkatkan kualiti perkhidmatan yang unggul. Dengan ini ia dapat menggalakkan persaingan yang sihat di kalangan agensi sektor awam dalam amalan pengurusan organisasi dan penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan.

Mengenai hubungan dengan pihak Istana pula, sebagai ketua beliau memainkan peranan yang besar dalam meyelaras agenda/dasar KNK dengan pihak Istana iaitu dengan menentukan



pihak Istana dan KNK mendapat maklumat yang perlu pada setiap masa. Ini penting bagi memastikan maklumat yang disalur adalah selari di antara kedua pihak agar segala urusan berkaitan negeri akan berjalan lancar dan sempurna dalam memantapkan organisasi dan institusi tersebut.

Apabila ditanya mengenai pemerintahan Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz sepanjang 20 tahun ini, beliau tersenyum seraya mengatakan bahawa kesedaran rakyat tentang Islam telah berubah menjadi bertambah baik dengan adanya pelbagai kempen dan sambutan keagamaan serta majlis-majlis agama. Juga, mendapat sokongan rakyat tanpa mengira kaum yang ada di negeri ini, serta Tuan Guru mengamalkan pentadbiran bebas rasuah.

Melihat masa depan Negeri Kelantan dan perkara yang perlu disumbangkan oleh jentera kerajaan

dalam pembangunan KNK, beliau menegaskan bahawa budaya kerja yang berprestasi tinggi akan diwujudkan dan disasarkan tahun 2011 sebagai tahun kecemerlangan penjawat awam. Juga, banyak program penambahbaikan telah diatur seperti Smart Partnership iaitu kerjasama antara jajahan dalam menyelesaikan sesuatu masalah, dengan harapan semoga jentera kerajaan lebih komited dalam memacu kerja.

Melihat kepada peranan beliau dalam perbadanan/agensi Kerajaan Negeri Kelantan, beliau bertindak dalam menasihati perbadanan/agensi dalam soal dasar dan peraturan kerajaan. Ini penting bagi memastikan pertubuhan-pertubuhan tersebut mendapat maklumat yang tepat dalam menguruskan organisasi masing-masing. Setakat ini beliau menjadi penasihat kepada Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK), Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), dan Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN).

Harapan beliau sebagai ketua amatlah tinggi untuk memberi perkhidmatan Pengurusan Sumber Manusia yang cekap dan berkesan secara konsisten, berteraskan profesionalisme, integriti dan teknologi terkini bagi memenuhi kehendak misi dan objektif organisasi serta kehendak pelanggan berteraskan Islam sebagai Ad-Din. Tambanya lagi, semoga penjawat awam sentiasa berdisiplin dalam menjalankan tugas disamping menepati ciri-ciri UMI iaitu Ubudiyyah, Mas'uliyyah dan Itqan. Apabila nilai-nilai ini dihayati, maka para penjawat awam akan lebih tawadduk, bertanggungjawab dan komited terhadap tugas yang diamanahkan.

Sambil memerhati vest Krew Qiadah di pejabatnya, beliau sedikit tersenyum lalu menyifatkan majalah ini banyak memberi faedah dan kepentingannya kerana ia dapat menambah ruang bacaan ilmiah kepada penjawat awam di mana hampir keseluruhan kandungan majalah ini adalah berkaitan dengan Negeri Kelantan. Ia juga merupakan satu value added kepada Negeri Kelantan di mana ia banyak menonjolkan keunikian dan keistimewaan negeri bertuah ini. Kandungannya juga dapat mempersempurnakan Kelantan kepada pelancong dan juga masyarakat luar.



MUFTI DATO' HAJI MUHAMMAD NOR IBRAHIM

Kehilangannya belum berganti

Oleh Mohd Fadli Ghani | Foto Ahmad Naime

MUFTI Haji Muhammad Nor Ibrahim adalah satu nama besar dalam sejarah negeri Kelantan, bahkan juga satu nama yang tersohor di negara ini. Dua karya magnum opusnya, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman* dan *Mustika Hadis* sudah cukup untuk meletakkan beliau sebaris dengan ulama - ulama ulung negara, khususnya untuk generasi pasca Merdeka. Selain pernah menjadi qadhi besar dan mufti di Kelantan, beliau turut menyumbang jasa kepada penubuhan *Tahfiz Darul Quran* di Masjid Negara yang kini dikendalikan oleh JAKIM di Kuala Kubu Baru, Selangor.

Sesuai dengan kecemerlangannya, tokoh ulama jempolan Kelantan yang lahir pada 10 Ogos 1905 bersamaan 19 Jamadil Akhir 1323 ini merupakan anak kepada Mufti Dato' Haji Ibrahim bin Mohd Yusof bin Mohd Salleh bin Isa bin Zakaria bin Tok Surau Banggol, Mufti Kelantan yang terkenal dengan gelaran Haji Ibrahim Tok Raja. Sebelum menjadi mufti bapanya adalah seorang pendakwah yang pernah bergiat di Kemboja. (1918 - 1921). Di sebelah bapanya, Haji Muhammad Nur berketurunan Tok Surau Banggol (Tok Ji Wan Ngah), seorang ulama sufi yang berasal dari Minangkabau, dan tinggal di Kampung Banggol, Kota Bharu.

Nendanya di sebelah bapa, Habibah Mohd Ali adalah adik kandung kepada Sheikh Abdul Rahman Mohd Ali Al-Fathani, ulama Melayu Pattani yang terkenal dengan gelaran Tok Gudang itu. Ibunya, Che Zainab Mahmud adalah cucu Haji Yaakob, penasihat agama Sultan Kelantan. Haji Yaakub adalah anak kepada Sheikh Abdul Halim Yunan, anak angkat Sultan Long Yunus yang merupakan ulamak pertama mengasaskan pusat pengajian Islam di Kelantan. Ini bermakna, beliau mempunyai salasilah ulama berketurunan campuran Yunan, Minangkabau dan Pattani.

Muhammad Nor dilahirkan di Kampung Lido, Kota Bharu. Ketika berusia lapan bulan, beliau dibawa ke Mekah dan tinggal di sana sehingga remaja. Antara pengalaman penting beliau semasa kanak-kanak ialah terlibat dalam Perang Wahabi semasa berusia sembilan tahun. Sepanjang berada di Mekah, beliau bukan sahaja terdidik dalam kehidupan beragama dan bergaul dengan para ulama, tetapi juga terdedah dengan budaya hidup lasak masyarakat Arab. Beliau dapat menguasai bahasa Arab dengan fasih kerana kehidupan kanak-kanaknya di Tanah Suci itu.

Bapanya begitu bimbang dengan penglibatan Muhammad Nur dalam Perang Wahabi, lalu membawanya pulang ke Kelantan pada tahun 1918. Beliau dimasukkan ke Sekolah Inggeris MAIK yang sekaligus meletakkan beliau sebagai generasi terawal Kelantan yang belajar bahasa Inggeris. Antara rakan sedarjahnya termasuklah Tan Sri Nik Ahmad Kamil dan Tengku Seri Maharaja Tengku Hamzah (ayahanda Tengku Razaleigh) - kedua-duanya pernah menjadi Menteri Besar Kelantan. Guru Bahasa Inggerisnya ialah Megat Othman Megat Ali, pegawai MAIK dari Perak. Kerana belajar di sekolah ini, beliau dapat menguasai Bahasa Inggeris dengan baik.

Sebaik sahaja tamat Sekolah Inggeris MAIK, Muhammad Nur mendapat tawaran bekerja sebagai Ketua Stesen Keretapi di Kota Bharu, tetapi bapanya mahu beliau kembali ke Mekah untuk belajar. Pada 1923, dalam usia 18 tahun, beliau dihantar ke Mekah untuk mendalami ilmu fiqh, usuluddin, tafsir, hadis dan ulum Quran. Namun begitu, beliau memberi perhatian khusus terhadap ulum Quran dan berjaya menguasai ilmu tajwid, qiraat dan tafsir dengan baik sekali. Guru Al-Qurannya ialah Sheikh Abdullah (Tok Senggora). Walau bagaimanapun, beliau pulang ke Kelantan beberapa tahun kemudian tanpa sebarang perakuan tamat belajar kerana gurunya meletakkan syarat untuk beliau menghafaz Al-Quran terlebih dahulu.

Pada 1929 Muhammad Nur kembali semula ke Mekah selepas berjaya menghafal al-Quran. Beliau dikenakan ijazah Qiraat Tujuh, selepas diperiksa oleh 20 orang qari yang terkenal di Mekah. Selepas itu beliau berguru pula dengan Sheikh Tiji, seorang ulama Mesir di Mekah sehingga dapat menguasai Qiraat 14. Atas penguasaan inilah Haji Muhammad Nor

dianggap Bapa Qiraat di Kelantan. Selain itu beliau juga turut mendalamai pengetahuannya dalam cabang-cabang ilmu yang lain, selepas berguru dengan beberapa ulama seperti Pak Da Eil Al-Fathani, Sheikh Hassan Masyat, Sheikh Syed Amin Kutubi dan Pak Cik Daud Al-Fathani. Antara ilmu yang dikuasai beliau ialah tauhid, tafsir, hadis, fiqh dan falak. Beliau menamatkan pengembalaan ilmunya di kota suci itu pada akhir tahun 1938.

Dengan latar belakang ilmu yang begitu baik, sebaik sahaja tiba di Kelantan pada awal tahun 1939, Sultan Ismail berkenan melantik beliau sebagai Qadhi Besar Kelantan. Ketika itu ayahnya adalah Mufti Kerajaan Kelantan. Dua tahun kemudian, pada 1 September 1941, Haji Muhammad Nor dilantik sebagai Mufti Khas, atau Mufti Istana, yang bertugas sebagai penasihat Sultan Kelantan. Beliau memegang jawatan ini hingga akhir Oktober 1944. Mulai 1 April 1945 beliau mula mengajar di Jamik Merbau Al-Ismaili, Kota Bharu. Pada 1 Mac 1949 beliau ditugaskan mengajar di Masjid Muhammadi. Beliau dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan, (1948 - 1955), dan pernah memangku jawatan Mufti Kelantan pada tahun 1954, selama lapan bulan, sehingga 5 Januari 1955.





Sesudah 15 tahun muncurah bakti di Masjid Muhammadi dan Jamik Merbau, pada 1966 apabila Kerajaan Persekutuan hendak membuka Kelas Tahfiz Al-Quran di Masjid Negara, Haji Muhammad Nur diminta untuk mengasas dan mengendalikan kelas hafazan Al-Quran tersebut, memandangkan beliau adalah ulama yang paling arif tentang Al-Quran ketika itu. Antara murid beliau yang terkenal di sini termasuklah Dato' Abu Hassan Din Al-Hafiz, Pegawai Agama Istana Negara. Namun begitu, khidmat beliau tidak lama di sini kerana kematian Mufti Dato' Haji Ahmad Maher pada 16 Mac 1968. Sultan Yahya Petra meminta beliau kembali ke Kelantan kerana baginda berhasrat melantiknya sebagai Mufti Kelantan.

Haji Muhammad Nur menjadi Mufti Kelantan selama 19 tahun, iaitu sehingga akhir hayatnya. Sebaik sahaja menjadi mufti, beliau mengorak langkah untuk menghidupkan semula Masjid Muhammadi sebagai pusat pengajian tinggi Islam dalam bentuk tradisional, dengan menubuhkan kelas Qismu At-Tafaqquh fid-Diin

pada tahun 1970, dengan murid permulaan seramai 10 orang. Selain menjadi mufti, Haji Muhammad Nor turut memegang jawatan sebagai Pengurus Jamaah Ulama MAIK, Ahli Majlis Penasihat Raja, dan Ahli Majlis Perajaan Negeri.

Mufti Haji Muhammad Nor turut memberikan sumbangan yang besar dalam perkembangan Islam di negara ini melalui aktiviti penulisan. Antara tulisan beliau yang terawal ialah Risalah Pilihan Mestika Pada Menerangkan Kiblat dan Ketika (1932), dan Bantuan Ketika Bagi Orang Yang Membahagi Pusaka (1937). Dua karyanya ini telah mengangkat beliau sebagai seorang tokoh dalam bidang falak dan metamatik ketika itu. Dalam bidang tafsir, beliau menghasilkan kitab Ramuan Rapi Dari Sudut Erti Surah Al-Kahfi (1957), diikuti sebuah tafsir 30 juz Al-Quran bersama Sheikh Abdullah Basemih, Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, yang diterbitkan oleh Jabatan Perdana Menteri pada 1968.

Pada 1973, bersama dengan Tuan Guru Haji Ismail Yusof (kemudian Mufti Kelantan) dan Sheikh Abdullah Basemih, Mufti Haji Muhammad Nor berjaya menyiapkan dua jilid kitab hadis yang diterbitkan oleh Jabatan Perdana Menteri, iaitu Muqaddimah Mustika Hadis (1973) dan Mustika Hadis (1974). Ketika mengajar di Jamik Merbau, Haji Muhammad Nor turut menghasilkan sebuah kitab tauhid yang digunakan sebagai teks untuk tahun tiga, empat dan lima di jamik tersebut, iaitu Durus at-Tauhid. Sebuah lagi karyanya ialah Suluhan Darul Naim, sebuah kitab tentang ilmu qiraat yang diterbitkan di Kota Bharu pada awal tahun 1935.

Kerana jasanya yang begitu meluas terhadap perkembangan Islam di negara ini, khususnya di Kelantan, Sultan Yahya Petra telah berkenan menganugerahkan pingat Seri Paduka Jiwa Mahkota (SJMK) kepada beliau pada Julai 1968, yang membawa gelaran Dato'. Pada 31 Mac 1980, beliau sekali lagi menerima anugerah iaitu Darjah Kebesaran Jiwa Kelan-

tan Yang Amat Mulia peringkat pertama, dari-pada Sultan Ismail Petra, selain turut dikurniakan gelaran Dato' Kaya Perba. Selepas kematiannya pada awal tahun 1987, kerajaan Kelantan telah menganugerahkan gelaran Tokoh Pendidik Yayasan Islam Kelantan 1988 kepada beliau.

Selepas lebih 50 tahun berjuang mengembangkan Islam di Kelantan, Mufti Dato' Haji Muhammad Nor Ibrahim telah dijemput menemui Allah pada usia 82 tahun, pada hari Jumaat 13 Februari 1987. Pemergian beliau adalah satu kehilangan besar kepada rakyat Kelantan kerana ketika itu beliau merupakan ulama Kelantan tersohor sebaris dengan Tok Kenali, Tuan Guru Haji Abdulah Tahir dan Mufti Haji Ahmad Maher. Tempat beliau sebagai mufti digantikan oleh Dato' Haji Ismail Yusof, tetapi keilmuan dan jasa beliau belum berganti sehingga kini.

New Generation Oil For Your Engine Performance



SUKIMI LUBE



SUKIMI LUBE (M) SDN. BHD
No. 1, Block F, Jalan Saujana Indah 10
Taman Perindustrian Saujana Indah
40000 Shah Alam, Selangor, Malaysia
Tel: +603-7842 2170 (Hunting Line)
Fax: +603-7842 2179

HEAD QUARTERS | SUKIMI BUILDING
Lot 83, Seksyen 23, Jalan Tellipot
15150 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia
Tel (Hunting Line): +609-744 7911, +609-744 4911
Tel (Customer Care): +609-748 6000
Fax: +609-743 7911, +609-743 4911

STANDARDS MALAYSIA
MOODY INTERNATIONAL MS ISO/IEC 17021:2006
Rgn No : Q910788
ISO 9001:2008 Certified

NAZA SUKIMI UTM RACING
MALAYSIA CUPRIX CHAMPIONSHIP 2009

BEST VALUE

Silat seni Warisan Bangsa

bersama MEJAR ANIZAM

oleh Salma Husin foto Ahmad Na'ime & Zainal Che Soh

Mungkin jarang ditemui seorang anggota Exco Kerajaan Negeri masih meneruskan minatnya terhadap ilmu persilatan yang telah diterokai di zaman remaja, semata-mata untuk mengekalkan ilmu berkenaan agar tidak pupus ditelan zaman. Kerana tidak mahu melihat ilmu mempertahankan diri itu berkubur, Tuan Guru Nik Abdul Aziz meminta krew Qiadah menyoroti beliau bersama masyarakat setempat meluangkan waktu untuk menghidupkan aktiviti kesenian itu khususnya dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Kemahang.



YB Mej (B) Mohd Anizam Abd Rahman



Mengimbau kisah muda
beliau dalam dunia
persilatan...

Usaha murninya dipuji masyarakat kerana aktiviti berkenaan berjaya mengawal remaja daripada terlibat dengan gejala yang tidak berfaedah. Tambahan lagi, aktiviti berkenaan juga berjaya mengajar masyarakat lebih berdisiplin kerana sikap tersebut turut diajar dalam sebarang ilmu persilatan terutama terhadap 'guru' yang mengajar mereka menerokai ilmu itu.

Umumnya mengetahui, Pengurus Jawatankuasa Perumahan, Kerjaraya, Utiliti dan Alam Sekitar Negeri, YB Mejar (B) Md Anizam Abdul Rahman ialah seorang wakil rakyat yang juga anggota Exco Kerajaan Negeri Kelantan yang gemar bersilat.

Biarpun beliau mula terlibat dengan aktiviti itu ketika berusia 12 tahun lagi, namun kerana minat beliau masih meneruskan aktiviti itu, malah masih mencari ilmu sebanyak mungkin dalam bidang tersebut. Beliau beranggapan ilmu yang ada padanya masih tidak seberapa.

Barangkali juga kerana darah yang mengalir di jiwanya lahir dari keluarga seni yang terlibat sepenuhnya dalam ilmu mempertahankan diri itu, terutama sekali Allahyarham datuknya yang juga seorang pesilat, semangat itu tidak pernah luntur hingga ke hari ini. Bukan sahaja beliau, malah abang dan salah seorang adiknya juga turut meminati bidang berkenaan.

"Saya masih ingat lagi ketika berusia 12 tahun, arwah datuk membawa saya ke gelanggang silat yang ada di kampung saya, pada mulanya saya hanya mengikut beliau sahaja, namun lama-kelamaan saya juga berminal untuk belajar," ujarnya.

Kampung Parit Cina, Salor yang merupakan tempat kelahirannya juga menjadi tempat gelanggang pertama beliau mula mengatur langkah untuk mempelajari ilmu mempertahankan diri itu. Datuknya, Abdullah Ismail yang juga seorang pesilat, telah membawanya belajar dan seterusnya beraksi di gelanggang silat ketika usianya 12 tahun.

"Walaupun ayah tidak aktif tapi dia juga minat malah turut memberi galakan pada saya serta adik-beradik yang lain, cuma dia tidak begitu aktif macam arwah datuk" ujarnya ketika ditemui di pejabatnya baru-baru ini.

Kerana minat, usaha itu tidak hanya terhenti sewaktu di zaman kanak-kanak, sebaliknya ia semakin melebar hingga ke sekolah menengah, Insititut Pengajian Tinggi (IPT) dan seterusnya sewaktu beliau bertugas sebagai anggota tentera. Sebagai seorang tentera, beliau tidak pernah berhenti dari beraksi di gelanggang silat, malah turut menyertai beberapa persesembahan serta pertandingan dalam tempoh lebih 20 tahun beliau menjadi anggota tentera.

Menurut Mejari (B) Md Anizam lagi, mempelajari sebarang ilmu persilatan tidak kira silat jatuh, silat cekak, silat tongkat atau sebagainya, amat berguna sekurang-kurangnya untuk individu itu sendiri. Sambungnya, betapa tidak dengan aktiviti tersebut mereka tidak perlu beriadah, sebaliknya aktiviti kesukaran secara tidak langsung dapat diperolehi dari ilmu tersebut.

Beliau seterusnya berkata, selain itu ianya dapat menguatkan stamina, sihat, dapat menghindari diri dari terjebak dengan aktiviti yang tidak bermoral disamping dapat menjaga keselamatan diri dengan ilmu yang diperolehi.

"Selain itu, aktiviti ini juga dapat menjalinkan hubungan silaturrahim antara pesilat dengan pesilat yang lain, bahkan ilmu mempertahankan diri ini amat dituntut dalam Islam,"ujarnya lagi.

Katanya, golongan remaja kini seharusnya mewarisi ilmu tersebut dari sekarang dengan menyertai mana-mana gelanggang yang terdapat di tempat mereka masing-masing.

Golongan belia hari ini adalah pelapis kepada ilmu persilatan yang telah menjadi aktiviti kesenian serta imej masyarakat Melayu yang masyhur di zaman silam. Tambahnya, biarpun dunia semakin mengorak langkah maju ke hadapan, namun ilmu tersebut perlu dipertahankan atas sebab seperti yang telah disebutkan tadi.



Pada masa yang sama, beliau turut mencadangkan supaya golongan wanita menyertai bidang berkenaan bersesuaian kehidupan manusia kini yang semakin mencabar

"Kejadian ragut, rompak dan rogol yang semakin menjadi-jadi, ada baiknya golongan wanita turut mempelajari ilmu berkenaan kerana sedikit sebanyak ianya dapat membantu mereka menyelamatkan diri sekiranya diapa-apakan,"ujarnya lagi.

Beliau bagaimanapun bersyukur memandangkan terdapat banyak gelanggang silat yang dibuka oleh pihak tertentu di negeri ini semakin bertambah dari tahun ke tahun.

Namun ianya perlu ditangani oleh pihak berwajib, khususnya Kerajaan Negeri dalam mempromosikan aktiviti bagaimana ianya perlu dilaksanakan dan bagaimana pula untuk mengumpul ahli-ahli baru agar berminat dengan aktiviti ini. Pada masa yang sama beliau turut mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mengeluarkan sedikit peruntukan sebagai sokongan untuk aktiviti tersebut disamping sumbangan kepada guru-guru silat yang telah bertungkus-lumus menghidupkan aktiviti itu tanpa jemu.

Beliau juga menasihati golongan muda supaya turut mempelajari bermain peralatan silat seperti serunai, gendang dan sebagainya sebagai pelapis untuk masa hadapan.

"Setakat ini amat kurang golongan belia meminati bermain peralatan itu, yang ada sekarang sudah berusia,"ujarnya lagi.

Kini, beliau sedang berusaha untuk merapatkan hubungan antara gelanggang silat dengan gelanggang silat yang lain di seluruh negeri ini pada satu majlis bersesuaian dengan imej persilatan itu sendiri demi merapatkan lagi hubungan antara satu sama lain.

Salah seorang anak kepada seorang guru silat, Abdul Ghafar Mat Hassan, 50, mengakui kemampuan Mej (B) Md Anizam sewaktu beraksi. Beliau yang sering digandingkan dengan Mej (B) Md Anizam sewaktu pertunjukan atau perlawanan berkata, wakil rakyat itu memang berstamina tinggi dan hebat sewaktu beraksi.

"Saya cukup kagum dengannya, walaupun kini sebagai seorang wakil rakyat, tetapi beliau tetap setia di gelanggang persilatan di samping



Krew **Qiadah** memberi tumpuan pada YB Mej(B) Mohd Anizam Abd Rahman ketika bercerita...

Beliau bagaimanapun bersyukur memandangkan terdapat **banyak gelanggang silat yang dibuka** oleh pihak tertentu di negeri ini dan bertambah **dari tahun ke tahun**.

membawa golongan remaja agar berminat dengan ilmu tersebut," ujarnya. Abdul Ghafar adalah anak sulung kepada seorang guru silat di Kampung Mulong, Hassan Mat Leh atau lebih dikenali sebagai Hassan Misai.



DAKWAH HALAQAT

PENDIDIKAN DI LUAR SEKOLAH

Pimpinan Tuan Guru Nik Abdul Aziz (Menteri Besar) yang menjadikan Al-Quran sebagai 'perlembagaan' utama dalam menjalankan pentadbiran negeri, melihat pengajian Al-Quran dan asas Fardhu Ain di kalangan kanak-kanak sewajarnya menjadi tanggung jawab Kerajaan Negeri. Maka demikianlah guru-guru Quran di seluruh pelusuk Negeri Kelantan didaftarkan sebagai Guru Quran Halaqat dan diberi elau mengajar oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM200 setiap bulan di samping beberapa kemudahan. (Namun ada juga yang tidak berdaftar dengan Dakwah Halaqat atas sebab-sebab tertentu).

Kini, terdapat seramai 2,586 orang guru Quran Halaqat yang sedang menabur bakti di seluruh pelusuk Negeri Kelantan. Apa yang menarik ialah peranan penting yang dimainkan oleh wanita di sini di mana kebanyakan guru Quran tersebut adalah wanita, iaitu seramai 2,070 orang dan seramai 516 orang sahaja guru lelaki. Di samping itu, daripada 186 orang guru Fardhu Ain pula, 72 orang daripada mereka adalah wanita. (**Statistik Disember 2009**)



Negeri Kelantan sebagai sebuah kampus pendidikan khasnya Pendidikan Rohani atau Soul Campus, tidak terhad kepada pendidikan di sekolah sahaja. Terdapat sebuah institusi pendidikan di luar sekolah bagi semua peringkat umur, daripada kanak-kanak hingga dewasa yang dikenali sebagai Dakwah Halaqat.

Ia ditubuhkan pada 8 April 1991 (tidak lama selepas mengambil alih teraju pentadbiran kerajaan negeri iaitu pada 22 Oktober 1990), Dakwah Halaqat merupakan satu bahagian khas dalam Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK). Bahagian ini adalah dibawah pimpinan seorang Ketua Pengelola yang diamanahkan untuk mengatur dan melaksanakan pelbagai program dakwah yang berterusan dan menyeluruh, agar tidak ada rakyat yang ketinggalan dalam pendidikan Islam khasnya peringkat asas.

Perkataan 'halaqat' berasal daripada bahasa Arab, bermakna bulatan atau rantaian atau siri. Juga bermakna lingkungan pelajar yang sedang mengikuti pengajian. Dalam konteks nama bahagian Dakwah Halaqat, ia merujuk kepada sebuah institusi dakwah yang mempunyai guru-guru (ustaz-ustaz) yang mengajar ilmu agama di surau-surau, masjid-masjid, balaisah-balaisah, rumah-rumah dan sebagainya, secara bersiri dan berterusan.

Antara tugas utama bahagian ini ialah menyelaraskan satu sistem mengajar membaca Al-Quran dan asas Fardhu Ain di seluruh Negeri Kelantan, khasnya di kalangan kanak-kanak. Di bawah penyelarasannya ini disasarkan agar tidak ada tempat di negeri Kelantan yang tertinggal dalam bab mengajar anak-anak membaca Al-Quran dan asas Fardhu Ain.

Inilah asas 'mengaji' atau pengajian ilmu agama yang sudah lama menjadi tradisi dalam masyarakat Melayu-Islam di negara kita terutamanya masyarakat kampung. Perkara ini memang sudah wujud sejak turun-temurun di atas inisiatif orang perseorangan atau masyarakat tempatan. Begitu juga imbuhan terhadap para gurunya (di samping mengharapkan pahala di akhirat) adalah tertakluk kepada ehsan masyarakat tempatan.

Saya mempunyai satu catatan mengenai Dakwah Halaqat sewaktu mendapatkan maklumat untuk bahan dokumentari video mengenai wanita di Kelantan, (waktu saya menyiapkan dokumentari berkenaan, Julai 2007). Timbalan II Pengelolanya pada waktu itu ialah Siti Zailah Mohd Yusoff (sekarang Ahli Parlimen Rantau Panjang) memberikan saya satu senarai panjang program-program mereka, (mesra wanita sahaja) seperti berikut:

- Kursus solat khas untuk wanita (45 tempat).
- Kursus kemahiran dakwah untuk wanita.
- Kursus tafaqquh fiddin mingguan / bulanan untuk wanita.
- Program pertunjukan fesyen Muslimah dan kempen tutup aurat.
- Kursus kemahiran pendidikan dan kekeluaragaan Islam.
- Majlis penghayatan Ramadhan dan khatam Al-Quran.
- Kelas bimbingan Al-Quran dan Fardhu Ain.
- Kuliah agama, kelas tafsir dan pengajian kitab khas untuk wanita.
- Program tahlil dan tadarus Al-Quran.
- Program Halaqah Yasin.
- Kursus pengurusan jenazah.
- Program motivasi remaja dan belianis.
- Kem solat bestari khas untuk remaja wanita.
- Kursus ibu mengandung.
- Qiyamullail bersama pimpinan wanita dan penghulu wanita (45 tempat).
- Kem remaja bermasalah.
- Program ziarah dan silaturrahim (dengan isteri-isteri wakil rakyat).
- Kursus solat untuk wanita sakit/uzur di hospital.
- Kem bimbingan solat untuk wanita warga emas.
- Forum dan ceramah khas sempena sambutan Hari Ibu.

VARIASI Melihat pada senarai panjang itu, ada diantaranya dibuat sehingga 45 kali dalam setahun, laitz sekurang-kurangnya sekali bagi setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN), dan sebahagianya dibuat secara mingguan, saya membayangkan betapa aktif dan sibuknya aktiviti mereka. Mengajar anak-anak membaca Al-Quran dan asas Fardhu Ain di seluruh negeri itu hanyalah sebahagiannya sahaja.

Fokus utama Dakwah Halaqat sebenarnya ialah solat. Seperti sesuatu yang sangat besar dan hebat programnya, rupa-rupanya solat menjadi program rasmi kerajaan negeri yang begitu hebat. Sebuah projek besar yang bukan sekadar program ibadat biasa, tetapi suatu program pembangunan yang menyeluruh. Cuba perhatikan beberapa aktiviti pentingnya.

Kem Motivasi Solat misalnya merupakan suatu program untuk umum - dewasa, remaja, kanak-kanak, lelaki dan perempuan. Program ini dilaksanakan beberapa kali sepanjang tahun, di setiap 45 DUN di mana ia memerlukan bajet kira-kira setengah juta ringgit. Tujuannya adalah untuk melahirkan generasi yang cintakan solat, dan melahirkan keluarga dan masyarakat yang cemerlang di dunia dan akhirat.

Kempen Bulan Sembahyang pula bukanlah dibuat dalam tempoh sebulan iaitu pada bulan Rejab sahaja, tetapi dibuat sepanjang tahun. Hanya perasmianya sahaja dibuat pada setiap 1 Rejab. Aktivitinya berlangsung berterusan sepanjang masa. Perasmianya dibuat oleh Menteri Besar pada setiap tahun sejak 1995, untuk mengingati dan memahami sejarah penerimaan perintah solat itu, daripada Allah kepada manusia, melalui Nabi Muhammad S.A.W pada malam Israk dan Mikraj pada bulan Rejab. Ianya juga untuk mengajak rakyat sama-sama melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah, selaras dengan dasar pentadbiran 'Membangun Bersama Islam'.

Kempen Bulan Sembahyang cukup menarik sesuai dengan moto 'Solat Membina Insan Cemerlang' kerajaan negeri membelanjakan berjuta ringgit demi untuk memperkasakan ibadah solat individu dan masyarakat dengan keyakinan (antaranya) ia akan menjadi pencegah gejala fahsyah (keji) dan mungkar di dalam dan di luar diri, dan seterusnya menjadi pembasmi gejala-gejala sosial dalam masyarakat, dan menjamin keamanan dan keselamatan di dunia dan akhirat.

Inilah yang dimaksudkan suatu 'projek pembangunan' yang membentuk peribadi mulia manusia. Mungkin agenda ini sudah hilang dari senarai agenda kerajaan-kerajaan moden di dunia hari ini, tetapi Tuan Guru Nik Abdul Aziz yang beriman dan yakin penuh dengan janji-janji Allah seperti yang terakam abadi dalam Al-Quran dan Sunnah, percaya bahawa solat adalah jawapan terbaik kepada permasalahan 'gejala sosial' yang sedang merebak dan merosakkan kehidupan manusia hari ini.

Bagi menangani masalah seperti gejala sosial itu, pendekatan tarbiyah Tuan Guru Nik Abdul Aziz lebih mempercayai faktor dalam daripada faktor luaran. Seperti katanya dalam sidang Dewan Undangan Negeri, 22 November 2007:

"Satu daripada perkara penting agama ialah untuk jaga roh. Kita ada tubuh, kita ada roh. Bila kita tolak agama, walau bagaimana kita kata pun, roh kita terbiar. Sedangkan hok 'nak' – nak sembahyang, tidak nak sembahyang; nak dadah, tidak nak dadah... 'nak', 'nak' ni bukannya mari dari kaki tangan, mari dari dalam. Selagi tak boleh kontrol 'nak' ni, tak usah buat polis ramai mana sekalipun, akhirnya polis sendiri pun kena dakwa... di Kuala Lumpur sekarang ni timbul masalah hakim; kerana 'nak' tu tidak dikontrol. Dan tak ada orang di atas dunia ini boleh kontrol 'nak', supaya nak atau tidak nakkah, selain daripada syurga-neraka, dosa-pahala. Sejahat-jahat kafir Quraisy, Umar Al-Khattab sebagai gedebe, dia boleh... Islam itu boleh kontrol, sampai dia jadi Amirul Mukminin."

Bagaimakah kempen sembahyang dijalankan? Mereka pasang *billboard*, sepanduk, bunting dan poster di merata-rata. Mereka sebarkan risalah, juga merata-rata. Juga *sticker* kereta. Di pasaraya dan premis-premis perniagaan tertentu pula dikenakan peraturan supaya menghormati waktu solat. Semuanya untuk mentarbiyah dan menyedarkan betapa besarnya perintah Allah terhadap solat, dan mengajak masyarakat menunaikan solat, dengan sungguh-sungguh.

Mereka juga mengadakan Forum Perdana khas mengenai solat. Dibuat di setiap 14 kawasan Parlimen dengan kerjasama dan melibatkan Majlis Daerah/Perbandaran. Jadi, solat dilihat sebagai sesuatu yang hidup, berkembang, menarik dan tidak membosankan. Juga tidak statik dan beku. Mereka menganjurkan Forum

Perdana Solat dan menjemput tokoh ilmuan menjadi ahli panel, dengan tujuan untuk mendapatkan pandangan baru mengenai pentingnya solat dalam kehidupan. Ertinya pandangan mengenai solat itu adalah sesuatu yang boleh berkembang dan tumbuh baru lagi.

Di samping Forum Perdana bersiri itu, mereka juga menganjurkan seminar khas mengenai Penghayatan solat dari sudut Syariah dan Sains. Tujuannya untuk mendedahkan kepada masyarakat akan hikmah dan rahsia solat itu bukan sahaja dari sudut syariah, tetapi juga dari sudut pandangan ilmu-ilmu sains. Dan dalam konteks ini saya juga tertarik dengan satu lagi program mereka, Brainstorming Modul Solat, yang dibuat khas untuk para pengelola dan pegawai mereka sahaja. Tujuannya untuk mencari idea baru bagi menarik minat masyarakat terhadap kepentingan solat, dan merangka satu modul solat untuk dijadikan rujukan di semua Unit Dakwah Halaqat Kawasan, supaya selaras dalam pelaksanaan. Ertinya solat itu dilihat sebagai sesuatu yang sentiasa hidup dan responsif terhadap kehidupan masyarakat semasa.

Ada sebuah jabatan kerajaan, lengkap dengan kakitangan seramai 497 orang, diberikan kemudahan pejabat (di peringkat negeri dan daerah), dan dipertanggungjawabkan untuk menjalankan dakwah atau kempen bagi menyedarkan masyarakat dan menggalakkan orang supaya menunaikan solat dengan sempurna (berkualiti). Ini sesuatu yang tidak pernah terlintas difikiran mana-mana pemimpin di dunia, barangkali, kecuali pemimpin yang seperti Tuan Guru Nik Abdul Aziz.

Tidak ada kerajaan lain di dunia barangkali yang seprihatin ini terhadap hubungan rohani rakyatnya dengan Allah Pencipta seluruh alam. Ya, mungkin. Kita pun tidak pasti. Tetapi kalaularah benar hanya Kelantan satu-satunya kerajaan di dunia yang mengadakan kempen solat seperti ini, kita patutlah berbangga dan bersyukur, Kelantan menjadi kerajaan Islam contoh untuk dunia.



Sistem Persekolahan YIK

Model Pendidikan Islam yang pesat maju

oleh Dinsman & Kassim Muhamad

Sistem persekolahan Yayasan Islam Kelantan (YIK) adalah bahagian paling penting dalam program tarbiyah Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat selaku Menteri Besar Kelantan, untuk mengubah pemahaman rakyat Kelantan ke arah menghayati agama Islam sebenar seperti yang diajar oleh Rasulullah S.A.W.


Sistem persekolahan YIK yang telah dikemas-kinikan oleh tokoh-tokoh pendidik dan ulama di bawah pimpinan Tuan Guru Nik Abdul Aziz sejak awal 1990-an, kini telah diiktiraf oleh banyak pihak dan menjadi pilihan ramai ibubapa, bukan sahaja di Kelantan tetapi juga di luar Kelantan. Manakala kurikulum yang digunakan di sekolah-sekolah YIK di Kelantan pula kini mulai digunakan juga di beberapa buah sekolah di luar Kelantan.

Di Johor misalnya, ada tiga buah sekolah swasta yang mengambil seratus peratus kurikulum YIK, hingga peperiksaannya juga mengikut sistem YIK. "Mereka daftar dengan kita dan kita keluarkan sijil," jelas Datuk Haji Mohd Amar Nik Abdullah, Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Islam, Pendidikan dan Dakwah, dalam satu pertemuan **QIADAH** dengan beliau pada 23 November 2009, di pejabatnya di Kompleks SUK, Kota Darulnaim, Kota Bharu.

Di Sarawak juga, terdapat dua buah sekolah yang mengambil sistem dan kurikulum YIK, iaitu termasuk Pesanteren Abdul Rahman Taib. Di Selangor mereka panggil Maahad Tahfiz Integrasi, bermula sebelum era Pakatan Rakyat lagi, di bawah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Di Negeri Sembilan ada sebuah, dan di Kemboja ada dua buah sekolah yang demikian. Semuanya 10 buah sekolah di luar Kelantan, termasuk Kemboja yang menggunakan kurikulum dan sistem pendidikan YIK.

"Pegawai dari YIK pergi memberi kursus dan membuat pemantauan dari semasa ke semasa. Pada waktu peperiksaan, pegawai YIK sendiri yang mengendalikannya," kata Dato' Amar yang dikenali dengan panggilan Ustaz Mohd Amar. Kesedaran orang ramai terhadap kebaikan dan keberkesanannya (atau kecermerlangan) sistem dan kurikulum YIK ini mungkin terciptus apabila dua orang pelajar di bawah sistem YIK (Maahad Muhammadi (P) Kota Bharu) muncul sebagai Pelajar Terbaik SPM bagi seluruh Malaysia, pada tahun 2006 dan 2008, iaitu Siti Fatimah Mukhtar yang mendapat 18A, dan Nik Nur Madiyah yang mendapat 20A.

Maka dalam perkembangan terbaru, ada beberapa pihak telah meminta untuk *franchise* Maahad Tahfiz Sains, iaitu produk terbaru dari kurikulum YIK. Kenapa diminta supaya *franchise*? Tentulah kerana sistem dan kurikulumnya bagus. Sejak ditubuhkan pada 2004, permintaan terhadap Maahad Tahfiz Sains memang sangat tinggi. (Sekarang terdapat tiga buah Maahad Tahfiz Sains – di Tanah Merah, Tumpat dan Kok Lanas.)



"Dalam pengambilan untuk tahun 2010 misalnya, kita nak ambil 180 orang sahaja, tetapi yang memohon 900 orang. Jadi kita terpaksa pertimbangkan dan akhirnya kita terpaksa ambil sampai 500 orang, lebih daripada yang dirancang," jelas Dato' Amar.

Jika sambutan dan permintaan begitu tinggi, kenapa Kerajaan tidak perbanyakkan tempatnya? Bukanakah itu juga boleh menjana ekonomi kepada Negeri Kelantan, kerana sebahagian permintaan itu daripada luar Kelantan? Demikian kami bertanya.

"Masalah besar kita sekarang ialah kemampuan," jelas Dato' Amar lagi. "Kemampuan kewangan kita terhad. Sekarang ini pun kita rasa lemas... RM6 juta sebulan, Tuhan sajalah yang tahu, bagaimana kita berikhtiar mencukupkannya. Itu yang menyebabkan tahun 2009 kita tak buat kempen (untuk kemasukan baru). Memang kita tak mampu nak menampung permohonan yang ramai. Walaupun ia berbayar, misalnya Maahad Tahfiz Sains bayarannya RM280 sebulan, tetapi itu tidak cukup untuk menampung pelbagai keperluan – gaji guru, infrastruktur dan lain-lain."

Maka selaku Exco yang bertanggungjawab kepada pendidikan, Mohd Amar membuat tawaran: "Kalau ada individu atau syarikat yang berminat hendak menggunakan sistem dan kurikulum YIK, kita boleh bagi. Kalau ada pihak yang nak minta franchise, bawalah proposal untuk kita teliti. Mereka boleh buat di Kelantan, dan kalau nak buat di luar Kelantan pun boleh."

Nampaknya itulah satu cara untuk mengembangkan dan memajukan lagi sistem dan kurikulum Maahad Tahfiz Sains yang sedang mendapat sambutan begitu tinggi sekarang. Ia menggabungkan kurikulum menghafaz Al-Quran dan kurikulum ilmu sains bersepada dalam diri setiap pelajar jarnya, menyiapkan pelajar berkecuaan untuk menjadi seorang insan yang lebih baik dari segi dunia dan ukhrawinya serta kompeten untuk menghadapi cabaran zaman moden.

Franchise, atau dalam kata lain diswastakan, atau dibuat secara usahasama dengan pihak swasta. "Kalau ada pihak swasta yang berminat, kita boleh bagi, dengan kadar sewa nominal. Yang paling penting kita hendak supaya ia maju," tegas Mohd Amar.

Beliau merujuk kepada sebuah sekolah YIK yang sedia ada sekarang, yang difikirkannya sesuai untuk diswastakan iaitu Sekolah Syamsul Maarif, di Labok, Machang. Sebuah sekolah yang mempunyai kawasan seluas 17 ekar, didirikan pada tahun 1996 dan sekarang pelajarannya berjumlah 500 orang (lelaki), sebahagiannya tinggal di asrama – 115 orang. Tinjauan kami ke sekolah ini mendapati ia memang sangat berdaya maju. Kawasannya luas, lapang dan cantik. Suasannya tenang dan tenteram, sesuai untuk pembelajaran. "Kalaulara ada pihak swasta yang berminat, kita boleh berikan sekolah dan segala infrastrukturnya untuk dijadikan Maahad Tahfiz Sains untuk pelajar-pelajar luar Kelantan. Kita sanggup berikan. Kalau Pak Dinsman ada kawan-kawan yang ingin melabur..."

Demikianlah, ada sebabnya mengapa Exco Pembangunan Islam, Pendidikan dan Dakwah ini begitu serius dengan idea hendak men-swastakan Maahad Tahfiz Sains. Sebabnya, seperti yang dijelaskannya kepada QIADAH, "Kita boleh misalnya menjadikan Maahad Tahfiz Sains itu komersil. Tetapi kasihanlah kepada rakyat Kelantan. Sekarang RM280 sebulan pun sudah terlalu berat kepada mereka. Jika dikomersilkan rakyat Kelantan akan menanggung akibatnya."

Tanggungjawab terhadap rakyat – itulah ketamaan. Maka sekolah-sekolah YIK hanya mengambil 10 peratus sahaja pelajarannya daripada luar Kelantan. Walaupun permintaan tinggi dan ibu bapa dari luar Kelantan sanggup membayar pada kadar yang lebih tinggi, pihak kerajaan Kelantan tetap mempertahankan kadar yuran yang relatif rendah, demi kepentingan rakyat Kelantan. Tetapi sekiranya sekolah atau kolej itu dijalankan oleh pihak swasta, ia boleh mengenakan yuran yang tinggi.

Pada masa ini, Yayasan Islam Kelantan (YIK) mempunyai 96 buah sekolah. Sebahagiannya dipanggil Sekolah Agama Kerajaan, yang dalam istilah Kementerian Pelajaran dipanggil Sekolah Agama Negeri (SAN). Kategori ini mendapat bantuan penuh daripada kerajaan negeri.

Manakala kategori yang kedua dipanggil Sekolah Agama Bantuan, atau nama yang dipakai Kementerian ialah Sekolah Agama Rakyat (SAR). Di bawah kategori ini, semua gaji guru dan kakitangannya dibayar oleh kerajaan negeri, tetapi pembangunan fizikal sekolah dikendalikan oleh sebuah jawatankuasa yang disebut Jawatankuasa Pengelola Sekolah (JKPS), namun Kerajaan Negeri juga memberi bantuan.

Sistem pendidikan atau persekolahan di Kelantan agak unik. Ia menggabungkan kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia dengan kurikulum Universiti Al-Azhar, Mesir secara serentak dan seratus peratus tanpa perubahan. "Sebab itu pelajar kadang-kadang belajar sampai 22 subjek," kata Dato' Amar.

"Kita ambil kurikulum Al-Azhar kerana tradisi, dan untuk membolehkan pelajar kita menyambung pelajaran ke Universiti Al-Azhar. Dan kita ambil kurikulum Kementerian Pelajaran untuk membolehkan pelajar kita menduduki peperiksaan di bawah Kementerian Pelajaran seperti PMR, SPM dan sekarang ini STAM dan juga STPM," jelas Dato' Amar lagi.

Kenapakah sistem dan kurikulum YIK semakin mendapat perhatian ibu bapa dari seluruh Malaysia pada hari ini? Jawab Dato' Amar: "Saya ingat kelebihan utama ialah kerana pendidikan agama. Pendidikan agama memberi kekuatan kepada pelajar untuk mencipta kejayaan. Kita ambil contoh Siti Fatimah dan Nur Madiyah. Kedua-dua pelajar ini bukan hanya cemerlang akademik tetapi dari segi personilitinya juga memang istimewa. Contohnya Siti Fatimah, dia hafal Quran 18 juzuk, dan ini usaha dia sendiri. Dia masuk kelas yang dibuat oleh sekolah secara peribadi. Bangun pagi sembahyang tahajud apa semua. Nur Madiyah pula selalu puasa. Berpuasa menjadi amalan kepada dia. Ada yang tak faham kata dia berpuasa kerana miskin. Sebenarnya bukan kerana miskin tetapi sudah jadi kebiasaan dia. Saya rasa unsur rohani inilah yang memberikan kekuatan yang lebih untuk berjaya."

Jelasnya lagi: "Apabila mereka ini dididik secara agama dan mereka menghayati agama, ia memberi kekuatan dalaman yang tinggi. Penghayatan agama itu menghalang dia daripada terlibat dalam benda-benda yang tidak berfaedah. Jadi dia boleh tumpu kepada belajar. Kalau kita tak ambil hal tentang agama, kita banyak *distraction*, fikir itu dan fikir ini, itu yang jadi masalah. Fokus dia lari dalam mengaji."

Selain sistem YIK, terdapat satu lagi sistem pengajian agama di Kelantan iaitu sistem pondok, suatu sistem pengajian agama yang diwarisi sejak zaman sebelum kedatangan Inggeris lagi. Kerajaan pimpinan Tuan Guru Nik Abdul Aziz mengiktiraf sistem pengajian cara lama ini dengan memberi bantuan tertentu, di samping berusaha memajukan sistem yang baru (melalui YIK).

Bantuan diberikan melalui beberapa cara. Antaranya kerajaan telah memperkenalkan eluan bulanan kepada tenaga pengajar pondok secara terhad, biasanya tiga orang bagi sebuah pondok, iaitu Pengetua dan dua orang guru kanan. Kadar sumbangannya sekitar RM300 – RM400 sebulan, secara tetap. Selain itu diberikan juga bantuan tahunan.

Sebuah perbadanan yang dinamakan Perbadanan Pondok Berhad telah ditubuhkan sebagai usaha memajukan sistem pengajian pondok. Kerajaan Negeri meluluskan kawasan balak kepada perbadanan ini, untuk menyalurkan bantuan kepada pondok-pondok yang berdaftar dengannya. Ada pondok yang berdaftar dan ada yang tidak berdaftar dengan perbadanan ini. Yang berdaftar adalah sebanyak 16 buah.

Dari segi pengajian, pihak kerajaan negeri memberi kebebasan atau autonomi kepada mereka. Mengikut Dato' Amar, "Sistem pondok lebih bersifat swasta kalau kita guna istilah sekarang. Dia autonomi. Dari segi perjalanan pengajian, dari segi silibus, kurikulum, memang dia autonomi. Kerajaan tidak ganggu."



The historic heart beat of a Soul Campus
Masjid Muhammadi

BY KASSIM MUHAMAD FOTO AHMAD NA'IME

Built in 1867 from specially selected timber to replace the old building destroyed by flood, this historical mosque, a landmark of Kota Bharu was then known as Masjid Besar Kota Bharu (Kota Bharu Big Mosque).

55 years later, on the 21st of August 1922 (28 Zulhijjah 1340), the reigning Sultan of Kelantan, His Royal Highness Sultan Ismail Ibni Sultan Muhammad IV laid the foundation stone of the present concrete mosque. Completed nine years later, it was officially inaugurated on 31st July 1931 and renamed to Masjid Muhammadi, a name taken after HRH's late father, Sultan Muhammad IV. Among some Kelantanese, it is also known as Masjid Besar (Big Mosque).

Through out its existence, it is said that this state mosque has since been renovated and expanded a number of times; on 1959, 1968, 1976 and 1987. Its current floor area is 10,600 square feet and can accommodate a congregation of 2,400 people.

Regardless any perspective, the significance and importance of Masjid Muhammadi as a living Soul Campus cannot be overlooked and underestimated. Historically, this 19th century Masjid Muhammadi has been the centre of Islamic teaching and preaching (dakwah), witnessing the involvement of well-known Islamic scholars (ulama) during those days such as Haji Abd Rahman Arab, Haji Wan Abdullah, Haji Che Samat, Haji Nik Wan Daud, Haji Wan Muhammad Sheikh Daud Al-Fatoni and the well-known Tok Kenali.

It is said that the teaching curriculum adopted were similar to that of Masjidil Haram, Mecca hence it was not unusual then for the alumni of Masjid Muhammadi to further pursue their studies in Mecca. So well-known was the mosque as the centre of Islamic religious studies in this part of the world, the Nusantara, Kelantan has been nicknamed as "Serambi Mekah" which literally means the 'Corridor of Mecca'.



Being the Corridor, the heart beat and pulse of Mecca atmosphere could be well captured during the fasting month of Ramadhan. The writer had an opportunity to witness, compare and experience such 'atmosphere' during the previous fasting month of 1430 Hijrah/2009. Until now there is this vivid lingering impression of Masjid Muhammadi during the month of Ramadhan; it is Mecca on a reduced scale, yet rich in its intense religious spirit and atmosphere.

For years, the mosque has become an annual congregation site of non-Kelantanese during Ramadhan. I met one Perakan 'devotee' who has not missed Masjid Muhammadi for the last eighteen years!

"However, this is a sad year for me" he confessed after our tarawikh prayer.

"Why?" I was keen to know.

"My friend who has been together with me at this Muhammadi mosque for the last 17 years cannot make it this time. He has fallen sick."

"It's quite a crowd here". I purposely changed the subject.

"This is nothing. You just wait until the last ten days of Ramadhan. This place will be swarmed by our brothers from Pattani".

"True, I always have that urge to be back in Kelantan during Ramadhan, to revisit its 'Serambi Mekah' atmosphere."


Where exactly is Masjid Muhammadi? It is in Kota Bharu in the proximity of Sungai Kelantan, a major river in the state, where Tambatan Diraja, the royal jetty of the Sultan is situated.


As a tourist zone, Masjid Muhammadi is not the only attraction in this corner of Kota Bharu. It is surrounded by unique sites of interest like Padang Merdeka, the historical spot where the famous local hero, Tok Janggut or Haji Mohd Hassan bin Munas (1853 – June 25, 1915)'s body was hung and exhibited for several days in front of the Kelantan Royal Palace by the British.

You may want to visit nearby the War Museum or Bank Kerapu ('kerapu' in Malay means 'rough' which describes the walls of the bank) and of course to take a closer look at the Menara Rehal which literally means 'The Rehal Tower'. A rehal is a special 'cross-legged' wooden table which one normally uses when reciting the Quran.

All these interesting sites, including Masjid Muhammadi are just a walking distance away from a number of hotels. If you feel like enjoying your coffee, toasted bread and half-boiled eggs, just drop by the famous White House Café which is just a few metres away from the Mosque.

Personally, I still prefer Masjid Muhammadi during the fasting month of Ramadhan. Its intense religious activities during that special month of the Islamic calendar, remind one of a living Soul Campus, a duplicate of a mini Mecca in this part of the world.





OLEH SALMA HUSIN | FOTO AHMAD NA'IME & RIZAL TAHIR

SAMBAL DAGING

Aroma yang menyelerakan

Sejak sekian lamanya, Kampung Laut cukup terkenal sebagai sebuah kampung tradisional khususnya dalam melahirkan produk 'sambal daging' atau lebih dikenali sebagai serunding. Malah projek itu telah menjadi turun-temurun apabila ia diwarisi oleh kaum keluarga setelah pengasasnya meninggal dunia. Sebut sahaja sambal daging Kampung Laut, peminat sambal daging cukup mengetahui resepi tradisional serta keaslian sambal berkenaan yang masih kekal hingga ke hari ini.

Dianggarkan, tidak kurang dari 20 pengusaha sambal daging di Kampung Laut telah menjadikan sambal berkenaan sebagai projek usahawan mereka untuk mencari rezeki. Sebahagian besar ianya telah diwarisi sejak turun temurun dari nenek moyang mereka lagi. Tidak dapat dipastikan secara jelas, tahun bilakah sambal daging ini menjadi 'trademark' Kampung Laut, bagaimanapun menurut salah seorang pengusaha sambal itu, ianya telah dikenali sejak beliau masih kecil lagi.



Menurut Puan Sapinah Mat Yaacob, 60, dari Kampung Laut 3, sejak beliau masih kecil sambal tersebut telah menjadi makanan lazim bagi masyarakat di situ untuk dinikmati seisi keluarga sebagai lauk-pauk sahaja. Bagaimanapun, ianya telah dikomersialkan sedikit demi sedikit sejak 30 tahun lalu dan

akhirnya semakin dikenali umum khususnya dikalangan para pelancong.

Menurutnya, bersesuaian dengan peredaran zaman yang semakin moden dan pelbagai jenis makanan yang dicipta oleh pereka masakan, sambal berkenaan turut dihidangkan bersama nasi impit, ketupat nasi, roti, lemang dan pelbagai lagi. Malah sejak beberapa tahun kebelakangan ini, biarpun terpaksa berhadapan dengan modal yang besar, sambal daging turut dijadikan inti ketupat pulut yang sebelum ini hanya bercita rasa lemak atau manis sahaja. Sambal daging juga turut dijadikan hiasan pada pulut semangat pengantin baru.

Sapinah yang telah melakukan perniagaan tersebut sejak 15 tahun lalu memberitahu, untuk menjadi seorang pengusaha sambal daging bukanlah suatu perkara yang mudah. Ianya perlu dilakukan dengan teliti, tekun, minat dan bukan hanya kerana rajin semata-mata.

"Nak jadi pengusaha sambal daging kena buat betul-betul, tidak boleh melakukannya sebagai kerja sampingan kerana kerja ini memerlukan penelitian yang khusus dan tak boleh sambil lewa."

"Masa juga perlu dijaga kerana jika terlewat, sambal daging juga akan terlewat masaknya dan sewaktu memasak perlu dijaga betul-betul seumpama mengacau dodol, jika tidak, sambal daging akan hangus," ujarnya.

Sambung Sapinah lagi, untuk menghasilkan sambal daging sekurang-kurangnya tujuh jam perlu dihabiskan untuk memasak daging terlebih dahulu. Menurutnya, tujuh jam lagi keesokan harinya pula diperuntukkan untuk me-

masak bersama ramuannya seperti santan, bawang, lada dan pelbagai ramuan lagi. Jelasnya lagi, ia tidak boleh dilakukan seorang diri sekiranya ingin menjadikan projek berkenaan sebagai hasil jualan, kecuali diperingkat awal percubaan yang dilakukan hanya untuk sekilo daging.



Mengimbau sejarah silam, Sapinah memberitahu pada peringkat awalnya beliau hanya mengusahakan tidak sampai lima kilogram daging sahaja untuk dimasak dan ianya habis dijual dalam tempoh sebulan. Kemudian, setelah projeknya agak berkembang, beliau telah menghasilkan antara 5 hingga 10 kilogram daging untuk dijual dalam tempoh yang sama.

"Peringkat awalnya pelanggan saya hanya jiran terdekat, rakan kenalan serta saudara-mara, itu saja, namun Alhamdulillah bila dah beberapa tahun saya mengusahakannya, projek saya semakin meluas hingga ke luar jajahan terutama di Kota Bharu," ujarnya.

Namun kini Sapinah berjaya menghasilkan 100 kilogram daging untuk sekali masak dengan pekerjanya antara 8 hingga 10 orang. Jika daging sekali masak ialah 100 kilogram, maka ikan pula dua tong dan ayam 20 kilogram. Pekerja-pekerja yang lain pula mengupas bawang, memerah santan dan selebihnya untuk memasak daging yang masih menggunakan kayu api. Selain bertujuan untuk menjaga

matkan kos, ianya juga untuk mengekalkan kaedah tradisional, termasuk menghancurkan daging dengan menggunakan buluh yang dibuat khusus untuk tujuan itu.

Sambal istimewa dari Kampung Laut ini bukan hanya dihasilkan dari daging lembu import semata-mata, sebaliknya daging lembu tempatan, ayam dan ikan juga digunakan. Empat citarasa sambal berkenaan mempunyai kelainannya dan harganya juga berbeza mengikut kos dari bahan mentah yang diperolehi. Memandangkan cara membuatnya bukan sesuatu perkara yang mudah, ditambah pula dengan kos yang bukan sedikit, tidak hairan ianya begitu mahal di pasaran, terutamanya di luar Kelantan.

Sambal daging tempatan berharga RM40 sekilogram, daging import berharga RM30, sambal ayam berharga RM36 dan sambal ikan berharga RM25 sekilogram. Sebagaimana sambal daging dan ayam, sambal ikan diperlukan untuk dijadikan inti popia mini, sambal pulut panggang atau dimakan bersama roti dan sebagai lauk biasa.

Jika sebelum ini sambal daging yang dihasilkan oleh Sapinah hanya berlegar di sekitar kampung sahaja, namun kini sambal dagingnya bukan hanya menapak di Negeri Kelantan khususnya Kota Bharu semata-mata, sebaliknya sudah melebar ke beberapa buah negeri khususnya Kuala Lumpur. Beliau tidak perlu lagi membawa sambal berkenaan ke tempat jualan, tetapi 'peraih' akan datang ke rumahnya untuk membeli sendiri dan dijual semula kepada peniaga sama ada di dalam atau di luar negeri. Memandang-

kan permintaannya semakin bertambah, khususnya pada musim cuti sekolah dan musim perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri, Sapinah terpaksa berusaha lebih gigih untuk memenuhi permintaan pelanggan.

"Bagaimanapun saya hanya menerima tempahan dari mereka yang sudah lama berurusan dengan saya, tempahan baru terpaksa ditolak kerana tidak cukup tenaga dan kawasan untuk memasaknya," ujarnya.



Setiap kali tiba bulan Rejab, Syaaban dan Ramadhan, beliau terpaksa menyediakan 30 buah dapur untuk memasak bagi menyiapkan permintaan pelanggan sama ada untuk dinikmati pada Bulan Ramadhan atau Hari Raya Aidilfitri. Menurutnya, pada hari biasa hanya 10 hingga 15 dapur sahaja digunakan untuk memasak sama ada dua atau tiga kali dalam seminggu, mengikut keperluan.

Biarpun usia Sapinah semakin lanjut dan tidak segagah dulu, namun beliau beruntung kerana dua daripada tujuh orang anaknya turut membantu dalam menguruskan projek tersebut, iaitu Mohd Sabri Ismail, 40 dan Mahiran, 29. Bagi Sabri beliau berazam untuk memajukan lagi projek tersebut serta ingin meneruskan aktiviti yang juga turut menjadi mata pencariannya bersama ibunya.





THE TALE OF PERMAI KRAFFERAK KELANTAN SILVER

It all started with the request of a Memsahib...

by Kassim Muhammad
photo Ahmad Na'ime

I asked him how it all began.

"Don't mind if I proceed with my work?" he peeped momentarily through his thick glasses, before absorbing himself with the handicraft — he was busy polishing the mast of a silver boat.

"It started with my father who was with the BA, British Army then".

That was how Haji Abdul Manan bin Haji Yaakob responded during our unscheduled interview on the 21st of December 2009 at his K.B. Permai Krafperak Kelantan Silver craft cottage cum showroom at Jalan Sultanah Zainab, Kota Bharu.



“It started with my father who was with the BA, British Army then”



The Malay dagger, Keris is the most demanding silver product in the market...

When he was told that we were expecting to see the handicraft activities at the Morak workshop, Hj Manan explained, "Most people work at home, the workshop is only used when larger machines are needed or when there are planned demonstrations for scheduled visitors". Such silver craft factories are located at Kampung Sireh along Jalan Sultanah Zainab, Kampung Morak or Kampung Badang on the road to PCB, Pantai Cahaya Bulan.

It is no wonder that there was not a single soul present at Kampung Morak workshop when we visited the place for two consecutive days.

"You see, as a goldsmith, my late father was also skillful in silver crafting, and his British superior came to know about it. His superior wanted him to produce silver cutlery and other household appliances out of the silver he supplied. Slowly the scope of the silver craft father had to produce expanded to include jewelleries and other personal ornaments such as silver mirror frames for the wife."

Dinsman wanted to know, how he had started to learn and acquire the father's skill and craftsmanship, Haji Manan told us, "I did it slowly, after school."

Like most traditional craftsmen, Haji Manan lamented on the fate of the dying trade. "You see, in the whole family, I am the only one who was interested and had picked up the craftsmanship."

"You have a number of young workers working with you now. Are you the one who trained them or you employed the ones with experience?"

"Some are real green horns, and I have to train them. Some are graduates from the Arts and Craft Institute of Malaysia".

Indeed Kelantan silverware is renowned for its **intricacy of design** and **superior workmanship**.

Indeed Kelantan silverware is renowned for its intricacy of design and superior workmanship. Items produced range from the functional to the purely ornamental, including fruit bowls, tea sets and ashtrays. Examples of delicate items are earrings, filigree brooches and bracelets.

Of course, as souvenirs for his patrons Haji Manan has a wide range of items; ranging from works of pure traditional fine art like the fine Malay dagger, the



Even though Hj Manan's hand is always busy with his crafting jobs, he still gives his best to accompany Qiadah's crew with his friendly attitude...






Aidiladha

Kemeriahan Tatkala Korban

oleh Rossem
foto Ahmad Na'ime

Ramai sedia maklum, orang Kelantan menyambut Hari Raya Haji (Aidiladha) semeriah Hari Raya Puasa (Aidilfitri). Hal ini sudah diketahui umum, bahkan selalu menjadi sebutan ramai apabila menjelangnya hari besarini.



Usaha bergotong-royong bagi menyambut Hari Raya Aidiladha di Kampung Keling, Limbat



Sambutan Hari Raya Haji di Kelantan sangat meriah. Suasannya sangat menyentuh nurani. Setiap individu yang melakukan ibadat korban akan menyembelih lembu secara bergotong-royong, melapah daging dan tulang-temulang bersama. Semuanya dilakukan dengan semangat tolong-menolong. Daging-daging korban diagih-agihkan kepada warga kampung atau dimasak gulai, digoreng serta dibakar, kemudian dijamu kepada seluruh warga kampung.



Keris, traditional Malay musical instruments such as the violin-equivalent, the rebab and the rebana which are the traditional Malay drums, Wau Bulan, the traditional Malay kite to the contemporary Petronas Twin Tower in Kuala Lumpur, displayed at his shop. The choice is yours.

A short yet memorable encounter with Haji Manan revealed an episode of a deep-rooted heritage handed down traditionally. A visit which had taught us how silver fibers were patiently, skillfully crafted and transformed into delicate ornamental items, such as brooches and earrings.

The knowledge, skills and patience expected out of the silver craftsmen are indeed uniquely special. Not only that the craft is tedious but the degree of intricacy and concentration required in producing the various complex and delicate items are highly demanding.

However, what have that deep-rooted knowledge, skills and patience acquired through the years taught us? Surely we expect nothing less than a continuous, sustainable growth and development of such a precious traditional industry; an industry which would survive the test of time.



Bismillahirrahmanirrahim...
Bersama menjalankan
perintah agama dan
taat kepada perintah Allah




Bayangkan jika hari itu, dalam sebuah kampung, 10 keluarga mengadakan kenduri daging korban, maka setiap orang harus mengunjungi 10 buah rumah semata-mata menikmati hidangan gulai lembu korban yang segar. Kendati kita merasakan sudah kekenyangan kerana sudah banyak rumah disinggahi, namun jemputan tuan rumah tidak pantas untuk ditolak. Muahu atau tidak mahu terpaksa juga meluangkan masa untuk hadir, biarpun tidak menjamah hidangan.

Jadi, disamping menikmati makanan pada hari mulia itu, kita berkesempatan mengeratkan silaturrahim dengan bertandang ke rumah jiran-jiran yang mungkin sebelumnya kita tidak punya kesempatan untuk melakukan kunjungan seumpama itu oleh kerana terlalu sibuk. Bertemu dengan ramai teman-teman dan saudara mara, berbicara dengan mereka dan bertanya khabar. Justeru lewat konsep 'kenduri' daging korban yang dipraktikkan itu, masyarakat kampung telah berjaya merapatkan kembali hubungan sesama masyarakat dan seterusnya memupuk kasih-sayang.


Oleh itu, tradisi membesar sambutan Hari Raya Aidiladha masih diteruskan. Anak-anak Kelantan di perantauan sebahagiannya memilih untuk pulang ke kampung pada Hari Raya Haji berbanding dengan Hari Raya Puasa. Tujuannya selain bertemu ibubapa dan sanak-saudara ialah untuk melakukan ibadat korban dan akikah untuk anak-anak mereka.

Selanjutnya, dengan kemampuan material yang lebih baik kini, maka ramai di kalangan masyarakat Kelantan yang melakukan ibadat korban mengikut keluarga. Yakni satu keluarga bagi seekor lembu. Mereka berkongsi membeli seekor lembu kemudian daging sembelihan itu dibahagi-bahagikan kepada tujuh bahagian. Kesempatan berkumpul sesama keluarga dimanfaatkan sepenuhnya untuk menjalin keakraban bersama.



Masjid Al Hussain

selangkah merealisasikan bandar islam pintar



oleh Nor Adani Syamimi Ahmad Kamil

BANDAR ISLAM PINTAR yang terancang rapi dan dilengkapi infrastruktur terkini akan diwujudkan bagi menampung keperluan masa hadapan bandar Kota Bharu sebagai ibu negeri Kelantan, di mana ia telah dirangka oleh Kerajaan Negeri Kelantan menerusi pembangunan Bandar Baru Tunjong (BBT). BBT akan menjadi pembangunan baru di Negeri Kelantan yang merangkumi pusat pentadbiran Kerajaan Negeri dan Persekutuan, pusat pengangkutan dan perkhidmatan, pusat komersial dan urus niaga serta kawasan kediaman yang moden.



Pembangunan BBT adalah di bawah tanggungjawab Tunjong Development Corporation (TDC) bagi pihak Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) yang bertindak sebagai pemaju utama. TDC telah ditubuhkan pada November 2006 adalah milik penuh PMBK dan di bawah seliaan Nazri Deraman selaku pengurus syarikat.

Bandar yang meliputi kawasan seluas 2,000 ekar ini terletak 5 km dari Bandar Kota Bharu ini telah bermula pada Februari 2006 dengan pembinaan 2 parcel utama dalam fasa 1 iaitu pusat komersial dan sebuah jabatan kerajaan iaitu Terminal Makanan Negara.

Kini BBT sedang pesat dibangunkan dengan pembinaan beberapa bangunan Kerajaan Persekutuan dan penyertaan beberapa pelabur yang telah mendapat kelulusan dalam proses pengambilan balik tanah.

BBT juga akan mempunyai sebuah masjid di lokasi strategik yang menjadi pemangkin utama pembangunan bandar ini. Pembangunan masjid ini adalah amat bertepatan kerana Masjid Tunjong yang sedia ada kini tidak lagi mampu menampung jemaah yang kian bertambah terutamanya pada waktu Solat Jumaat. Oleh yang demikian, masjid yang bakal dibina ini dapat menampung jemaah yang ramai dan ia juga merupakan satu tempat aktiviti beribadah bagi masyarakat Islam setempat.

TDC juga telah bekerjasama dengan seorang tokoh korporat yang dermawan dan terkemuka di Malaysia bagi mendirikan sebuah masjid di Bandar Baru Tunjong. Masjid ini direka untuk memuatkan seramai 2,000 jemaah pada satu masa dan masjid ini dinamakan Masjid Al Hussain.

Pada 24 Ramadhan 1430H bersamaan 14 September 2009, TDC telah mengadakan satu majlis perasmian dan pelancaran tabung derma/wakaf tapak Masjid Al Hussain bertempat di tapak masjid berkenaan. Majlis ini telah dirasmikan oleh Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat selaku Menteri Besar Kelantan merangkap pengurus PMBK.

Wakaf/derma ini dapat memberi peluang kepada masyarakat Islam untuk beribadat dan



Majlis Pelancaran Derma / Wakaf Tapak Masjid Al Hussain yang dihadiri oleh ratusan rakyat setempat baru-baru ini.

menyumbang sejumlah wang sebagai wakaf untuk menampung kos pengambilan tanah atau tapak masjid. Walaupun kadar wakaf seseorang itu adalah sedikit namun ianya adalah perkongsian ramai pihak sehingga terbinanya sebuah masjid. Amalan yang dipraktikkan di sini memberi peluang kepada umat Islam untuk melakukan amal jariah dalam membina masjid dan sekaligus membantu menyediakan kemudahan-kemudahan beribadat kepada orang ramai.

Projek ini mempunyai dua fasa yang mana Fasa 1 adalah merupakan pembinaan keperluan masjid seperti masjid dan rumah-rumah imam dan kakitangan lain bagi memudahkan mereka hadir dengan segera jika terdapat sebarang urusan mengenai masjid tersebut. Manakala Fasa 2 adalah proses pembinaan Kompleks Islam.

Rekabentuk senibina masjid ini mempamerkan ciri-ciri klasik Ottoman yang digandingkan dengan gaya Fatimid dari Mesir. Struktur masjid ini adalah menara berkembar dan khubah utama bakal menjadi mercu tanda bukan sahaja kepada BBT malah juga kepada Bandaraya Kota Bharu iaitu Bandaraya Islam. Ia juga bakal menjadi lambang kedudukan Islam sebagai agama rasmi dan simbol gaya hidup masyarakat Islam setempat. Bangunan masjid bakal dilengkapi hiasan, kekemasan dan juga peralatan berkualiti dan praktikal selaras dengan penekanan terhadap kualiti dan penggunaan berhemah dalam ajaran Islam.

Masjid Al Hussain merupakan sebuah bangunan dua tingkat di mana pada tingkat pertama akan dibina sebuah dewan serbaguna yang

mempunyai tempat mengambil wuduk serta tandas lelaki dan wanita, manakala pada tingkat atas pula akan dibina dewan sembahyang utama, madrasah kanak-kanak lelaki, madrasah kanak-kanak perempuan, pejabat, tempat urusan jenazah, foyer dan tempat penyimpan barang. Masjid ini juga mempunyai kemudahan lif sebagai alternatif kepada orang kurang upaya.

Masjid ini dijangka akan siap sepenuhnya selama 34 bulan dari tarikh pengesahan perlaksanaan termasuklah proses perancangan dan rekabentuk lengkap. Pembangunan sebegini tentu sekali akan menjadi pemangkin penting bagi memacu lagi proses kemajuan dan meningkatkan lagi imej Kelantan sebagai pusat kerohanian dan bandaraya Islam pertama di Malaysia.

MASJID AL HUSSAIN | borang derma / wakaf

BUTIRAN SUMBANGAN

Sila isikan butiran sumbangan Datuk/Dato'/Tuan/Puan/Encik/Cik pada ruangan berikut bagi maksud urusan pengeluaran resit rasmi:

Nama :

Alamat:

No. Tel :

Sumbangan boleh dibuat dalam bentuk: (tandakan di kotak berkaitan)

- Tunai
 - Bank in (sertakan slip kemasukan bank)
 - Cek/Postal Order/Bank Draf No. :
- Jumlah Sumbangan / wakaf : RM
- Atas Nama: Tabung Tapak Masjid Al Hussain
No. Akaun: 0301-0004812-71-7 (Bank Muamalat)
- SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI KAMI**
- Sekretariat Sumbangan Wakaf /
Derma Tapak Masjid Al-Hussain
Bandar Baru Tunjong
- Perbadanan Menteri Besar Kelantan
Tingkat 6, Bangunan PMBK, Jalan Kuala Krai,
15050 Kota Bharu, Kelantan.
- Tel. : 09-747 4082 Samb. 121/114
09-747 4545
- Dikecualikan
Cukai LHDN**

Sumbangan atau wakaf boleh dibuat dalam bentuk berikut: (sila tandakan kotak berkaitan)

- Tunai
- Bank in (sertakan slip kemasukan bank)
- Cek/Postal Order/Bank Draf No. :

Jumlah Sumbangan / wakaf : RM

Atas Nama: Tabung Tapak Masjid Al Hussain
No. Akaun: 0301-0004812-71-7 (Bank Muamalat)

SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI KAMI

Sekretariat Sumbangan Wakaf /
Derma Tapak Masjid Al-Hussain
Bandar Baru Tunjong

Perbadanan Menteri Besar Kelantan
Tingkat 6, Bangunan PMBK, Jalan Kuala Krai,
15050 Kota Bharu, Kelantan.

Tel. : 09-747 4082 Samb. 121/114
09-747 4545



RESTORAN NASI ULAM KG. KRAFTANGAN



RESTORAN NASI ULAM TAMAN ORKID



RESTORAN NASI ULAM KG. KRAFTANGAN
KAMPUNG KRAFTANGAN, JALAN HILIR KOTA
15300 KOTA BHARU, KELANTAN, MALAYSIA

Abdul Hamid b. Idris (Cikgu Hamid)

019-946 6665, 018-904 2345

| 019-964 9663 | 019-980 6606 | 019-596 6449 | 019-940 6066 | 017-900 3040 |

Siti Razam bt. Awang (Kak Zam)

014-813 6555, 017-922 7972

Keistimewaan

- ★ Ikan Keli Goreng Berempah, Percik dan Gulai Darat
- ★ Asam Pedas Ikan Patin dan Jelawat
- ★ Ayam Goreng Berempah, Bakar dan Percik
- ★ Ikan dan Daging Singgang
- ★ Ulam-ulaman, Sos Bilis (Budu), Sambal dan Kerabu
- ★ Lain-lain

Dibuka setiap hari dari jam 11.00 pagi hingga 5.00 petang kecuali hari Jumaat

majlis
sambutan Hari Raya
Aidilfitri '09

oleh Shariah Derahman foto Ahmad Na'ime



tangan dihulur, maaf dipinta
PMBK 2009
Salam Aidilfitri
Maaf Zahir dan Batin



Setahun hanya sekali, itulah gambaran yang paling menarik mengenai Aidilfitri. Pada musim ini kebanyakan organisasi mengambil peluang untuk mengadakan rumah terbuka hari raya bagi meraikan seluruh kakitangannya, anak-anak syarikat dan juga orang ramai pada tanggal 12 Syawal 1430H bersamaan 1 Oktober 2009 yang bertempat di Laman Parkir PMBK.

Majlis yang penuh meriah ini telah diadakan bagi mengeratkan lagi ikatan ukhwah dan semangat kerjasama yang sedia terjalin di antara penghuni bangunan PMBK. Selain itu, majlis ini juga bertujuan untuk membina budaya saling bermaafan di antara satu sama lain bersesuaian dengan tema yang dipilih iaitu "Tangan Dihulur, Maaf Dipinta".

Majlis ini bertambah meriah apabila majlis perasmian telah disempurnakan oleh Menteri Besar Kelantan yang juga merangkap Pengerusi PMBK iaitu YAB Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat. Tidak ketinggalan ucapan alu-aluan daripada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK iaitu Ir. Abdul Ariffahmi Ab Rahman.

PMBK 2009
Salam *Aidilfitri*
Maaf Zahir dan Batin



Pertandingan gerai tercantik antara anak-anak syarikat juga turut diadakan bagi memeriahkan lagi majlis pada hari itu. Selain itu, pelbagai juadah disediakan kepada tetamu termasuk satey, roti pakistan, lemang, ketupat, ayam golek, pelbagai aneka kek dan biskut raya, lontong, nasi dagang, nasi bukhari, laksa, mee kari dan sebagainya. Menu istimewa daripada PMBK Sawit ialah kijang golek telah mendapat sambutan yang begitu menggalakkan dari pengunjung yang datang.

Ketibaan Tok Guru

Kehadiran Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat memeriahkan lagi suasana sambutan hari raya...




Persiapan dan persediaan Sambutan Hari Raya Aidilfitri PMBK 2009 dilakukan seawal pagi lagi oleh kesemua kakitangan PMBK serta anak-anak syarikat yang terlibat...




Kemeriahan suasana

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri PMBK 2009 disambut begitu meriah dengan pelbagai aneka juadah dan ramah mesra setiap tetamu yang hadir...



Hadiah, Cenderamata

Majlis penyampaian hadiah sempena pertandingan menghias gerai tercantik serta cenderamata perpisahan bagi pelajar latihan industri diadakan serba serdahana namun penuh keceriaan...





QIADAH TERBANG

BERSAMA *Air Asia*

oleh Shariah Derahman

foto Ahmad Na'ime

P

Program pengagihan majalah korporat PMBK iaitu Qiadah di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra telah diadakan buat julung kalinya pada 26 Ramadhan 1430H bersamaan 16 September 2009 di kawasan Perhentian Pesawat Air Asia. Walaupun cuaca panas terik, namun 21 orang krew Qiadah tetap bersemangat menyambut kepulangan anak-anak Kelantan di perantauan pulang ke kampung halaman bagi merayakan Hari Raya Aidilfitri.



Menanti ketibaan pesawat Air Asia di bilik menunggu di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra...

Bersempena dengan tema Qiadah edisi ke-empat iaitu **Holy Ramadhan**, krew Qiadah menyambut kepulangan anak-anak Kelantan di perantauan dengan penuh mesra **bagi merayakan Aidilfitri** yang bakal tiba...



Program ini turut disertai oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (CEO) PMBK iaitu Ir Abdul Ariffahmi Ab Rahman yang juga merupakan pencetus idea kepada program ini. Semua kakitangan yang terlibat memberikan kerjasama yang padu dalam menjayakan program yang pertama kalinya diadakan ini. Krew Qiadah telah berurusan dengan Pejabat Keselamatan untuk urusan Pas Keselamatan dan diiringi oleh pegawai yang bertugas bagi memastikan segala urusan berjalan dengan lancar.

Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari penumpang-penumpang penerbangan tersebut. Kebanyakan daripada mereka begitu bersemangat dan ceria apabila selamat sampai di bumi kelahiran bertuah ini.


Selain menyambut kepulangan warga Kelantan di perantauan sempena Aidilfitri, tujuan utama program ini diadakan adalah untuk memperkenalkan majalah korporat PMBK (QIADAH) dan Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) kepada umum, disamping meningkatkan kesedaran orang ramai terutamanya warga Kelantan tentang kewujudan majalah korporat PMBK serta aktiviti-aktiviti terkini yang telah dijalankan oleh PMBK.

Pihak krew Qiadah amat berterima kasih kepada pihak pengurusan Malaysia Airport Berhad dan Air Asia LTSIP Kota Bharu di atas kerjasama yang diberikan sepanjang program ini berlangsung.

MAJLIS PENYERAHAN CEK

di Darul Digital

Oleh : Mazura Ismail Foto : DD Multimedia



Dengan perkembangan teknologi yang canggih masakini, penyebaran dakwah dapat disebarluaskan dengan mudah terutamanya kepada kanak-kanak dan remaja melalui tontonan cerita-cerita animasi seperti kartun. Penyebaran dakwah ini juga akan lebih mudah sekiranya bahan tontonan yang dikeluarkan menitik beratkan perkara-perkara yang positif.

Darul Digital telah menyahut saranan kerajaan negeri dalam menyediakan kursus animasi kepada mereka yang berminat khususnya

kepada rakyat Kelantan dan di luar Kelantan amnya.

Animasi dilihat bukan sekadar untuk memberi hiburan semata-mata malah ia dapat memberi mesej Islam secara terus kepada kanak-kanak berbanding pendekatan lain. Sebelum ini hanya kartun-kartun luar dan yang bersifat negatif sahaja banyak ditayangkan, maka secara tidak langsung dapat memberi kesan yang tidak baik kepada pemikiran kanak-kanak.

Oleh itu, Darul Digital memberi peluang kepada mereka yang berbakat dan berminat untuk mencurahkan idea menghasilkan animasi berbentuk dakwah bagi tontonan orang ramai yang tidak berkemampuan. Kerajaan negeri melalui Jawatankuasa Penerangan, Pembangunan Maklumat, Sains dan Teknologi Negeri Kelantan telah menyumbangkan peruntukan sebanyak RM60,000 kepada Darul Digital.



Sumbangan tersebut merupakan peruntukan teroka multimedia yang diperuntukkan kepada 40 orang pelajar yang berminat dan tidak berkemampuan untuk mengikuti Program Asas Animasi selama 2 bulan di Darul Digital.

Majlis penyerahan cek telah diadakan pada 24 Ramadhan 1430H bersamaan 14 September 2009. Cek tersebut telah disampaikan oleh Exco Penerangan, Pembangunan Maklumat, Sains dan Teknologi Negeri Kelantan iaitu Dr. Mohamed Fadzli Dato' Hassan kepada Darul Digital yang diwakili oleh Pengarah Eksekutif Darul Digital iaitu Ir. Abdul Ariffahmi Ab Rahman.





PESONA CIK SITI GALA WAN KEMBANG

Oleh Shariah Derahman

Majlis Pesona Gala Cik Siti Wan Kembang adalah satu program pertunjukan fesyen eksklusif untuk wanita sahaja yang diadakan pada 29 Oktober 2009, jam 3.00 petang hingga 5.30 petang yang berlangsung di Dewan Persidangan Kelantan Trade Centre (KTC), Kota Bharu.

Majlis ini dirangka untuk menunjukkan bahawa muslimat Kelantan khususnya tidak ketinggalan dengan dunia fesyen terkini walaupun bertudung dan menutup aurat. Ianya juga membuktikan kepada para muslimat bahawa tudung juga boleh digayakan dengan pelbagai gaya yang berpadanan dengan majlis-majlis tertentu, seperti di pejabat atau santai.






Majlis ini merupakan program pertama anjuran **CEMPAKA** iaitu Kelab Muslimat Perbadanan Menteri Besar Kelantan yang telah ditubuhkan pada 5 Syaaban 1430H bersamaan 27 Julai 2009. Objektif utama penubuhan **CEMPAKA** adalah sebagai platform untuk merealisasikan hasrat wanita-wanita Kelantan khususnya disamping menjadi perantara kepada hasrat wanita Kelantan dengan Kerajaan Negeri Kelantan. Pada

masa yang sama, **CEMPAKA** juga bertindak sebagai sebuah kelab dalam membentuk muslimat Kelantan yang cemerlang melalui konsep Ummul Mukminin dan UMI ('Ubudiyyah, Mas'uliyyah dan 'Itqan), berpadan dengan motonya iaitu **CEMPAKA** Pemangkin Kecemerlangan Muslimat Kelantan. Majlis seumpama ini juga adalah untuk meraikan mereka yang gemarkan fesyen terkini yang menepati ciri-ciri

Islam di mana ia menampilkan selebriti-selebriti terkenal menggayaan pelbagai fesyen muslimat seperti Farrah Adeeba TV9, Zahnita Wilson, Heliza Helmi AF5, Maizawati Zainal dan Syarifah Nur Syed Ali TV9. Ia juga merupakan satu saluran bagi **CEMPAKA** dalam memperkenalkan kelab ini kepada umum dan merapatkan ukhwah terutamanya dengan persatuan-persatuan dan NGO wanita diseluruh Negeri Kelantan.



Majlis Makan Malam Jawatankuasa **PMBK & CEMPAKA**

Oleh Shariah Derahan | Foto Ahmad Naime

Majlis makan malam sebagai tanda penghargaan kepada semua kakitangan Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) dan Jawatankuasa Kelab Muslimat PMBK (**CEMPAKA**) telah diadakan pada 10 Zulkaedah 1430H bersamaan 29 Oktober 2009 bertempat di Dewan Puteri Saadong, Hotel Grand Riverview, Kota Bharu.

Majlis ini bermula pada jam 8.00 malam dengan ketibaan para jemputan dan disusuli dengan tetamu kehormat iaitu Datin Tuan Sabariah Tuan Ishak selaku Penaung **CEMPAKA**, Ir Abdul Arif-fahmi Ab Rahman selaku Penasihat 1 **CEMPAKA** merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK dan Puan Nik Amalina Nik Abdul Aziz selaku Penasihat 2 **CEMPAKA**, serta beberapa tetamu yang lain.

Majlis ini turut dihadiri oleh barisan kakitangan PMBK, jawatankuasa CEMPAKA, dif-dif kehormat, selebriti-selebriti jemputan, dan juga model-model yang telah memperagakan pelbagai busana dari koleksi Al-Habshee. Antara selebriti yang hadir ialah Heliza Helmi dan keluarga, Maizawati Zainal dan model-model peragaan.



merupakan satu platform kepada kesinambungan hubungan baik yang telah terjalin dan kerjasama yang padu di antara semua pihak.

Majlis ini turut dimeriahkan dengan penyampaian hadiah sebagai tanda penghargaan khususnya kepada ahli CEMPAKA yang berjaya menjual tiket dengan jumlah yang paling tinggi dan pemberian



Majlis ini merupakan inisiatif dari Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK di mana ia diadakan bagi meraikan semua jawatankuasa dan kakitangan yang telah bertungkus-lumus dalam menjayakan majlis pertunjukan fesyen Pesona Gala Cik siti Wan Kembang yang telah berlangsung pada petang tersebut. Majlis seumpama ini juga adalah untuk mengeratkan ukhuwah sesama kakitangan dan juga merapatkan silaturrahim yang baru terbina di antara PMBK, CEMPAKA dan Al-Habshee. Majlis ini

cenderamata kepada semua jawatankuasa yang terlibat secara langsung pada majlis pertunjukan fesyen tersebut. Walaupun telah penat seharian menjayakan pertunjukan fesyen, namun semua jemputan telah menghadirkan diri bagi menjayakan majlis makan malam yang serba ringkas ini.



UNTUK MEMBUAT TEMPAHAN:
KAIFI TOMYAM SEAFOODS (1)
Lot 1930, Depan Taman Damai, 16250 Wakaf Bharu,
Tumpat, Kelantan
Tel: 013-959 8044



Kahfi
TOMYAM **SEAFOODS**

rempah ratus terpilih...
...untuk **citarasa terbaik**

Nasi Air Special

Tomyam Seafood Special

Ikan Bakar



KAIFI TOMYAM SEAFOODS (2)
Lot 206, Jalan Puteri Saadong, Wakaf Bharu,
Tumpat, Kelantan
Tel: 019-927 8001



Time Tunnel Terowong Masa

Sumber dan foto ehsan
Perbadanan Muzium
Negeri Kelantan



dulu...

Bangunan Masjid Kampung Laut di Kampung Laut, Tumpat, Kelantan. Masjid ini telah dipindahkan ke Nilam Puri pada tahun 1968 kerana sebahagian besar tapak tanah telah runtuh ke dalam Sungai Kelantan dan bangunan masjid semakin musnah dalam kejadian banjir besar 1967.

The Kampung Laut Mosque situated on the Kelantan riverbank at Kampung Laut, Tumpat, Kelantan. This mosque is being moved to a new site at Nilam Puri in 1968 due to the soil erosion cause by the big flood in 1967.



kini...

Penempatan Masjid Kampung Laut di Nilam Puri, Kelantan. Gambar diambil pada tahun 2009

Kampung Laut Mosque located at Nilam Puri, Kelantan. (Picture taken in 2009)



Ruang 'Inspirasi Kelantan' diwujudkan agar menjadi satu Inspirasi buat warga Kelantan agar lebih berdaya saing dalam meniti arus global yang mencabar

Cerita Kartika Membina Kerjaya

(Kota Bharu-Kuala Lumpur-Shah Alam)

Oleh Dinsman | Foto Ahmad Naime

Menjawap soalan - soalan Dinsman

1. Latar belakang keluarga

Saya anak kedua dari lima adik-beradik dan merupakan anak perempuan tunggal dalam keluarga. Bapa saya seorang pesara tentera dan kemudian berkecimpung dalam bidang perniagaan, begitu juga dengan ibu. Saya dilahirkan dan dibesarkan di Tumpat. Nama penuh saya Kartika Wati Mohamed.



man yang saya timba ketika bertugas di sana. Selepas 2 tahun menjadi Legal Assistance di firma tersebut, saya terfikir untuk memulakan langkah untuk menubuhkan firma guaman sendiri. Atas dorongan keluarga, terutama kedua ibu bapa, walaupun masih ada perasaan gementar, saya kuatkan semangat berbekalkan sedikit sebanyak ilmu yang ada semasa latihan 'dalam kamar' dan juga ketika menjadi peguam, saya memulakan firma Kartika & Co pada bulan Ogos 1998, di Kota Bharu.

2. Pendidikan dan kelulusan

Sekolah Rendah Kebangsaan Tumpat (1977-1982); Maktab Rendah Sains MARA, Pengkalan Chepa (1983-1987); Yayasan Pelajaran MARA, Cheras (A-level) (1988-1990); Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam: LLB(hons).

3. Cerita membina kerjaya

Sesudah selesai menjalani latihan 'dalam kamar' selama 9 bulan, untuk membolehkan saya menjadi pengamal undang-undang (*practicing lawyer*) dan mendapat kelulusan dan sijil guaman yang diiktiraf oleh Majlis Peguam Malaysia, saya memulakan kerjaya sebagai peguam di firma guaman terkemuka di ibukota. Banyak pengal-

Banyak dugaan dan cabaran yang saya hadapi ketika memulakan Kartika & Co. Saya belajar dan bertugas selepas sekolah menengah di ibukota, oleh itu saya tidak mempunyai ramai kenalan dan *potential clients* di Kelantan. Tambahan pula sebagai firma guaman yang baru ditubuhkan, agak sukar bagi saya meyakinkan pelanggan untuk meletakkan firma saya sebagai 'panel peguam' bagi syarikat ataupun institusi kewangan.

Begitu juga saingan yang banyak dengan firma guaman yang lain. Saya terpaksa bekerja keras siang dan malam dengan hanya dibantu oleh dua orang kerani di peringkat permulaan. Saya harus buktikan kepada pelanggan bahawa walaupun firma kami agak baru tetapi khidmat guaman yang kami berikan adalah sama dan lebih baik dari firma-firma guaman yang telah lama ditubuhkan.

Saya selalu tanamkan dalam diri saya dan kakitangan, untuk menjadi sebuah firma guaman yang berjaya kita mestilah menyediakan perkhidmatan guaman yang profesional, efisyen, cepat dan tepat. Dalam dunia yang tiada sempadan kita tidak boleh hanya berada di tempat lama. Perubahan demi perubahan harus dilakukan agar firma saya menjadi sebuah firma guaman yang lain dari yang lain. Menjadi seorang peguam juga harus kreatif seperti mana profesyen yang lain, barulah kita boleh membantu pelanggan dalam setiap transaksi yang diperlukan.

Alhamdulillah, berkat usaha tanpa mengenal penat lelah dengan dibantu oleh barisan peguam dan kakitangan, juga doa ibu bapa dan keluarga, Kartika & Co telah berada dalam barisan firma guaman tanahair selama 12 tahun, dan Kartika & Co telah mempunyai 3 cawangan, iaitu di Kota Bharu, Kuala Lumpur dan Shah Alam.

4. Pengalaman paling menarik

Pengalaman yang paling tidak dapat saya lupakan ialah apabila saya diminta keluar dari pejabat seorang pengarah institusi kewangan, walaupun temujanji telah dibuat. Alasan yang diberikan adalah kerana beliau sibuk dan tidak mahu berjumpa dengan peguam yang datang untuk memohon menjadi panel institusi kewangan tersebut. Hati saya sedih dan rasa



terhina seolah-olah diperlakukan seperti peminta sedekah.

Walau bagaimanapun, itu semua tidak mematahkan semangat saya untuk meneruskan cita-cita dan impian untuk membawa Kartika & Co ke mercu kejayaan. Dugaan yang dihadapi lebih membakar semangat saya untuk meneruskan perjuangan, dan saya jadikan perkara tersebut sebagai iktibar dalam diri sendiri bahawa apabila kita sudah berjaya, jangan memandang rendah kepada yang kurang upaya.

5. Orang Kelantan suka merantau?

Saya merasakan bahawa orang Kelantan mempunyai sikap sentiasa ingin memajukan diri dan berhijrah demi mencapai kejayaan. Kejayaan tidak datang bergolek. Kita sentiasa mesti mencari peluang yang ada, tidak kira di mana sahaja asalkan peluang tersebut memberi pulangan yang baik, halal dari segi agama dan mengikut lunas undang-undang.

6. Kerap balik ke Kelantan?

Saya pulang ke Kelantan tidak menentu, bergantung kepada tugas dan temujanji yang perlu saya hadiri. Walau bagaimanapun saya pasti akan berada di Kelantan paling minimum setiap dua minggu sekali, di mana selain tugas di pejabat saya juga dapat menziarahi kedua ibu bapa saya yang tinggal di Kelantan.

7. Bila bercerita tentang Kelantan

Cerita saya berkisar kepada kelebihan wanita Kelantan seperti yang dapat dilihat oleh pengunjung yang datang ke Kelantan, di mana majoriti peniaga samada di Pasar Siti Khadijah atau di bazar-bazar adalah terdiri dari kaum wanita. Tidak kurang juga dengan keunikan mereka memakai barang kemas yang begitu banyak. Selain itu kelebihan yang saya suka ceritakan juga adalah makanan dan kuih-muih di Kelantan. Saya tertarik dengan ekspo makanan Kelantan tempoh hari di mana terdapat pelbagai jenis makanan Kelantan, dan ini termasuklah 100 jenis nasi yang ditunjukkan.

8. Pulang Kelantan suka ke mana?

Saya selalunya akan singgah ke Pasar Siti Kadijah untuk membeli barang yang susah didapati di Kuala Lumpur, seperti manisan (gula melaka), keropok, beras dan sebagainya. Saya juga pasti akan singgah makan tengahari di kedai nasi ulam seperti di Kompleks Kraftangan Kota Bharu, atau dekat jambatan Salor di Pasir Mas.

9. Hobi / kegemaran

Saya menggemari pokok-pokok dan tumbuhan, begitu juga dengan ikan koi. Di masa lapang saya akan berkebun dan memastikan tumbuhan di halaman berada dalam keadaan sihat dan sempurna. Saya mempunyai tiga kolam ikan koi di rumah. Saya merasa tenang apabila melihat ikan-ikan yang berwarna-warni berenang, dan ikan-ikan ini seolah-olah begitu mengenali saya, kerana dari jauh mereka sudah mengetahui akan kedatangan saya. Saya juga gemar bersenam. Saya akan pastikan kegiatan riadah ini saya lakukan paling minima 3-4 kali seminggu.

10. Penglibatan dengan NGO

Belum mempunyai kelapangan disebabkan jadual kerja yang banyak. InsyaAllah bila ada kesempatan saya mungkin akan menyertai mana-mana NGO yang bersesuaian.

11. Orang kata Kelantan ketinggalan dalam pembangunan

Saya merasakan Negeri Kelantan tidak ketinggalan dalam pembangunan. Kalau dilihat dari segi pembangunan material, saya rasa sudah banyak perubahan di Negeri Kelantan, di mana

terdapat lebih banyak bangunan baru dibina termasuk hotel, pusat membeli-belah, pusat perniagaan, taman-taman perumahan dan sebagainya. Saya yakin sesiapa yang telah beberapa tahun tidak datang atau pulang ke Kelantan, dapat merasakan perubahan yang agak ketara.

Pembangunan dari segi modal insan pula, saya rasa rakyat Kelantan amat membangun, di mana kita dapat lihat begitu ramai anak-anak Kelantan yang berjaya, tidak kira di dalam negeri atau di perantauan.

12. Wanita Kelantan lebih berdikari?

Saya rasa kita tidak boleh membuat *generalization* begitu, kerana terdapat juga wanita di negeri lain yang berdikari. Walau bagaimanapun mungkin wanita Kelantan agak ketara, dan saya rasakan ini adalah berdasarkan pengalaman yang mereka dapat dari ibu mereka ataupun cara hidup wanita Kelantan yang suka berniaga. Dari situ wanita Kelantan dilihat lebih berdikari, dan apabila mereka berdikari dari segi kewangan secara tidak langsung mereka akan berdikari dari segi lain juga.

13. Menyumbang untuk Kelantan

Saya ingin membantu memperkasakan wanita Kelantan. Banyak peluang yang ada di luar sana yang boleh dimanfaatkan oleh wanita Kelantan, baik dari segi perniagaan, ilmiah, fesyen dan keterampilan, jatidiri dan sebagainya. Banyak aktiviti yang boleh dijalankan demi untuk memberi pendedahan kepada mereka tentang perkembangan terkini dalam pelbagai aspek. Kita mempunyai ramai profesional wanita Kelantan yang berjaya. Kita boleh bersama-sama menggembeling tenaga untuk mencapai hasrat yang murni ini.



QIADAH | OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

Kelantan
Encyclopedia
A to Z

Islamic pawn broking system. It was first introduced in Kelantan where the pawn system was according to Islamic laws. The scheme provides immediate financial source to help individuals in overcoming cash-flows needs. It is only available for Malaysian citizens aged 18 years and above. The financing is up to 65% of the pawned gold value, each pawned item not exceeding RM 5,000.00 per day and a cumulative amount of RM 25,000.00. The maximum loan tenure is 6 months with extension period not more than 4 months. Pawned gold has to fulfill a certain accepted pure standard and a minimum fee is charged for the safekeeping of the valuables.

Oleh Shariah Derahman & Nurul Dayanna Norji

A for Ar-Rahnu

AR-RAHN
Sistem Gadaian Islam



B for Bulan Sembahyang

Praying Month

A celebration of Bulan Sembahyang or Praying Month is a campaign for a whole year during the month of Rajab to encourage performing prayers. Organized by Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK), the main objective of this campaign is to spread the awareness to humankind on how important prayers are in nurturing moral and noble character despite a person's age.



C for Choq

Hoe

The shape of blade is almost like the shape of an adze with wood handle. It is made using steel. But a hoe's blade is wider than an adze's blade. The handle is usually made straight but some are crooked. The typical farming and gardening hoe with a heavy, broad delta-shaped blade and a flat edge is the Dego hoe. The Dutch hoe is a design that is pushed or pulled through the soil to cut weeds just under the surface. Its tool-head is a loop of flat, sharpened strap metal. It is not as efficient as a chopping hoe for pulling or pushing soil.

D for Dhuha

Dhuha is the time after sunrise. Dhuha prayer should be performed between after sunrise and noon. According to calculation, the period of dhuha came around half an hour after syuruk (sunrise). Dhuha prayer can be performed in 2, 4, 6 or 8 rakaah and each with one salaam after 2 rakaah.

E for Etek

Also/ Too, pronounced 'air-tack'.


For example:

I'm going too
(nok gi etek)


I also want it
(nok etek)

The study of astronomy or science of the celestial orbs. Ilm Al-Falaq or astronomy is the science branch that includes observation or perception and explanation about things happening outside of the earth and the atmosphere. Astronomy is also associated with astrophysics.

Astronomy is where amateurs still play important parts especially in finding and observing the intermediate phenomenon. This is different from astrology where pseudo scientists try to predict someone's destiny based on solar system configuration. Though both studies came from the same origin, they are different since astronomy actually uses scientific method whereby astrology is not based on science.



F for Falaq



H for Halaqah

Halaqah means a circle in Arabic. But it is also a term to describe discussion in a circle, usually on the subject of religion.

I for Itqan

The principle of Itqan is to do something meticulously, working towards achieving the state of excellent service and management. Muslims are demanded to follow this principle.

J for Jemaah

Linguistically, it means group, cluster or tribe. It is a society that comes together hand in hand to fight for a cause. For example, Jemaah Islam is a missionary group who fights for Islamic law.



K

for
Kuliah

Delivery of knowledge
through lecture.



O

for
Onar

Making a mess or bring-
ing problem to people.

L

for
Liut

Stale. The state of food
after being left without
proper cover. Pronounced
'lee-yout'.

m

for
Mas'uliyyah

The principle of accountability requires officers, staffs and the members of an organization to always be alert and responsible to what they do on their expense because they are accountable for it. They will be questioned not only in this world but also in Hereafter.



N

for
Nilam Puri

The centre of religious studies where there are a few important religious institutions such as University of Malaya and Kelantan Islamic Foundation.

K

for
Kuliah

Delivery of knowledge
through lecture.

O

for
Onar

Making a mess or bring-
ing problem to people.



O

for
Qiraati



Linguistically, it means my reading. Qiraati refers to the Qur'anic classes attended by children and adults. There are quite a number of Qiraati classes in Kelantan in order to persuade more people to be interested in learning Al-Qur'an.

P

for
Pondok

Pondok is a small house without any room, built from raw materials such as wood, straws or soil. Pondok is usually built in the middle of paddy fields or forest, as a temporary resting place. Pondok is not a permanent home, therefore it has a simple built-up; 4 pillars, short steps, mangrove palm roof and no room.

But in Kelantan, pondok does not only refer to the small house but used as a name for the religious studies centre amongst the small houses around a village. The boarding school system refers to the Islamic school system familiar among the Malays. Every student in this school will stay in a small pondok where they perform their religious duties and memorize the Qur'anic verses. The teaching method used is for the students to memorize and the ones succeeded will be called al-hafiz.

R

for
Rukah

Mean climb

S for Siga

Siga is a ladder, a vertical or inclined set of rungs or steps. There are two types: rigid ladders that can be leaned against a vertical surface such as a wall, and rope ladders that are hung from the top. The vertical members of a rigid ladder are called struts or stiles. Rigid ladders are usually portable, but some types are permanently fixed to buildings.



T for Tahfiz

Tahfiz refers to the institution where students learned to memorize Al-Quran. Students are trained to learn all Quranic related knowledge in deep and precise manner i.e the tajwid, the correct way of memorization, the correct pronunciation etc. one of such institution in Kelantan is Maahad Tahfiz Pulai Chondong.

U for Ubudiyah

The principle of ubudiyah or the concept of working for Allah is to place each work done as an ibadah which will lead to rewards in the HereAfter. By appreciating this principle, it is hoped that a member of an organization will be more sincere in doing their job and this sincerity is the main movers towards the perseverance.

V for Vokasional

The vocational education is the mixture of theoretical and practical studies balanced with the work orientation for all the graduates. The curriculum concentrates on apprenticeship of learning on specific trades. This vocational education could, among others, create opportunities to the graduates towards spreading their abilities in any fields they are into.

X for Xpress

Fast, quick, speedy.



W for Wahyu

The word "wahyu" derives from the Arabic word "awha" which means inspired by others or someone's order. Generally, wahy is the order or words of Allah SWT passed to us by His Messengers. As one of His Messengers, Prophet Muhammad S.A.W received the wahy through the angel Jibrail. The first wahy was the verses of Al-Alaq.

Y for Yayasan

A foundation is a legal non-profit organization. It's usually meant for the purpose of doing good deeds. These non-profits organizations either give out funds or support other organizations or provides sole source to their activities.



Zikr derives from an Arabic word that means remember or say. In Islam, zikr refers to remembering Allah or saying the names of Allah. It is part of the ibadah and Muslim will get reward by doing so. Muslim scholars agreed that Allah loves the most when we recite the zikr of SubhanAllahi wabihamdi. This is according to a hadith meaning: Sayyidina Abu Dhar narrates

That Rasulullah S.A.W was asked:
Which words are the best?

He S.A.W replied:
*The words that Allah SWT, Has chosen for His angels, or His slaves:
Subhan'Allahi wabihamdi
(Glory be to Allah who is above all faults, and all praise be to Him)*

Z for Zikrullah

TOKAYAH

idea&art DARUL DIGITAL



**Program Skim Takaful Kifaalah
Takaful Khairat Kematian Warga Emas**

Kejayaan kami meraih tiga anugerah penghargaan ini menjadi kebanggaan kami. Kami akan terus berkhidmat dengan lebih cemerlang malah dengan lebih berjaya untuk membuktikan lagi kesungguhan kami mempereratkan lagi hubungan kasih sayang sejagat.



www.kifaalah.com.my

KIFAALAH SDN BHD
LOT 5393-E, JALAN TELIPOT, 15050 KOTA BHARU, KELANTAN
TEL: 09-747 6336 FAKS: 09-747 6226



